Jabatan Antropologi dan Sosiologi
No. Kelas: 84 84 -
No Perolehan: T 0881
Tarikh: 12/84

# SUMBANGAN SANYA DI DALAM PROSES PEMBANGUNAN SOSIO-EKONOMI NEGERI SABAH

SULAIMAN MOHAMED ASRI
No. Matrik: 041621

Latihan Ilmiah
Bagi Memenuhi Sebahagian
Daripada Syarat-Syarat Untuk
Ijazah Sarjana Muda Sastera

Jabatan Antropologi Dan Sosiologi
Universiti Malaya
Kuala Lumpur

Sesi 1984/85

University of Malaya

SETINGGI-TINGGI PENGHARGAAN KEPADA:

- Dr. Hussain Mohamed, yang menyelia dan dapat bersabar di atas kelemahan-kelemahan saya sehingga selesainya penulisan kajian ini.
- Pemimpin-Pemimpin SANYA yang ditemui, serta kakitangan Pejabat Urusetia SANYA Pusat, Kota Kinabalu.
- Wan Zaniyah Wan Omar (JAS-UM) dan Rozihana Sheikh Zain (Uni. Utara Malaysia) yang telah banyak membantu untuk mendapatkan bahan-bahan rujukan.
- Eleanor, Hwee Lian dan Noraini Mohd. Zain - mereka yang mengambil tahu dan sentiasa mengingatkan agar latihan ilmiah ini segera dibereskan.
- Kesemua rakan yang telah memberikan buah fikiran, sokongan moral dan yang sering bertanya, "Dah siap Grad-X"?.
- Kak Nor Aishah yang sudi membantu menaip dan menyusun latihan ilmiah ini.

SULAIMAN MOHD. ASRI
JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR.

FEB., 1 1985.

University of Malaya

## SYNOPSIS

This is a further study on the Sabah National Youth Organisation (SANYA). The first such study was done by Sukarti Wakiman in 1976. Thus this study is a review of Sukarti's work and which also provides the latest informations about SANYA until the end of 1984. This study stresses more upon the roles played by SANYA in getting the involvement of youths in the socio-economic development of Sabah.

It is agreed upon that youth as the younger generation, is a vital asset for nation development, but providing for these young people has yet to be satisfactorily met. Unemployment in this country, for example, still remains as a problem that is aggravated annually by an increasing number of school leavers which outpaced the growth of job opportunities. Infact, Malaysia's 5 Year Plan admits that unemployment is a youth phenomenon in the country.

Therefore, an all out effort will have to be made to reduce, if not, abolish unemployment, to provide the young with opportunities for self-improvement and chanelling their aspirations. This is what SANYA has been doing in looking after the welfare and interest of the youths in Sabah. This study as a whole, will discuss the aims and objectives of SANYA, the problems it faces, its achievements and its contributions to the development of Sabah.

## SINOPSIS

Kajian ini merupakan suatu kajian lanjutan ke atas Pertubuhan Belia Kebangsaan Sabah (SANYA) setelah kajian mengenainya dilakukan oleh Sukarti Wakiman (1976). Maka kajian ini juga adalah sebagai satu ulasan (review) terhadap kajian Sukarti Wakiman disamping memberikan maklumat-maklumat terbaru mengenai SANYA sehingga kajian ini tamat pada akhir 1984. Kajian ini akan lebih menekankan tentang peranan SANYA dalam melibatkan golongan belia di dalam proses pembangunan sosio-ekonomi negeri Sabah.

Sesungguhnya para belia sebagai generasi muda adalah sangat penting untuk tujuan pembangunan negara. Namun demikian, peluang-peluang yang seharusnya disediakan untuk golongan belia ini masih lagi belum memuaskan. Misalnya, pengangguran masih menjadi satu masalah sosio-ekonomi yang kadarnya semakin meningkat setiap tahun. Ini disebabkan oleh semakin meningkatnya jumlah mereka yang meninggalkan alam persekolahan sedangkan peluang-peluang pekerjaan adalah tidak mencukupi. Rancangan 5 tahun Malaysia mengakui bahawa pengangguran adalah merupakan satu fenomena belia negara ini.

University of Malaya

Maka usaha yang bersungguh-sungguh mestilah dibuat untuk mengurangkan kadar pengangguran, disamping memberikan golongan belia ini peluang-peluang untuk mereka memajukan diri serta untuk mereka menyalurkan aspirasi masing-masing. Hal inilah yang sedang dilakukan oleh SANYA dalam menjaga kebajikan dan kepentingan belia Sabah. Selanjutnya, kajian ini akan menyentuh tentang matlamat-matlamat dan objektif-objektif SANYA, masalah, sumbangan dan pencapaiannya secara menyeluruh di dalam proses pembangunan negeri Sabah.

University of Malaya

Senarai lampiran

| | | Mukasurat |
|---|---|---|
| 1. | Senarai Jawatankuasa Majlis Tertinggi SANYA | 75 |
| 2. | Borang Permohonan Menjadi Ahli | 82 |
| 3. | Tatatertib Persidangan Perwakilan SANYA | 83 |
| 4. | Undang-Undang dan Perlembagaan SANYA | 88 |

University of Malaya

# KANDUNGAN


| | | Mukasurat |
|---|---|---|
| Penghargaan | | (i) |
| Sinopsis | | (ii) |
| Senarai Lampiran | | ( v ) |
| BAB I | PENDAHULUAN | 1 |
| 1.1 | Objektif Kajian | 2 |
| 1.2 | Bidang Kajian | 3 |
| 1.3 | Kepentingan Kajian | 4 |
| 1.4 | Kaedah Kajian | 6 |
| 1.5 | Masalah Kajian | 7 |
| BAB II | DEFINISI DAN RANGKAKERJA KONSEP | 9 |
| 2.1 | Belia | |
| 2.2 | Konsep Pertubuhan Sukarela | 11 |
| 2.3 | SANYA Sebagai Sebuah Gerakan Sosial | 15 |
| BAB III | MATLAMAT DAN DASAR SANYA | 21 |
| 3.1 | Tujuan Asas Ditubuhkan | |
| 3.2 | Keahlian SANYA | 24 |
| 3.3 | Organisasi dan Pentadbiran SANYA | 25 |
| 3.4 | Pentadbiran Peringkat Cawangan | 28 |
| 3.5 | Badan Penyelaras Daerah | 29 |
| 3.6 | Urusetia SANYA Pusat | 31 |
| 3.7 | Masalah Dalam SANYA | 32 |


University of Malaya

BAB IV SANYA: PENCAPAIAN DAN SUMBANGANNYA TERHADAP PEMBANGUNAN SOSIO-EKONOMI NEGERI SABAH 36

4.1 Aktiviti SANYA dan Pencapaiannya
4.2 Khidmat Kemasyarakatan 52
4.3 Politik Kepartian dan SANYA 55

BAB V RUMUSAN

5.1 SANYA sebagai sebuah Persatuan Sukarela, Persatuan Belia dan juga sebagai suatu Pergerakan Sosial 61
5.2 Peranan SANYA dalam proses Pembangunan Negeri Sabah 63
5.3 Perkembangan SANYA selepas 1975 69
5.4 PENUTUP 73

LAMPIRAN 75

BIBLIOGRAFI 105

University of Malaya

# BAB 1

## PENDAHULUAN

Persatuan Belia Kebangsaan Sabah (SANYA) telah ditubuhkan pada tahun 1966. Pengasas SANYA dan juga yang menjadi Yang DiPertua SANYA yang pertama ialah Yang Amat Berhormat Datuk Harris Bin Mohd.Salleh, Ketua Menteri Sabah sekarang ini.

Sehingga ke hari ini, SANYA telah mempunyai sebanyak 378 buah cawangan yang berdaftar diseluruh Sabah. Jumlah keahlian SANYA pula adalah lebih daripada 70 ribu orang yang terdiri daripada berbagai suku kaum, bangsa dan ugama.

Diperingkat kebangsaan, SANYA adalah ahli gabungan Majlis Belia Malaysia (MBM). SANYA diterima menjadi anggota MBM pada tahun 1969. Menurut Encik Vincent Shia (Timbalan Presiden II SANYA), SANYA adalah merupakan satu-satunya persatuan sukarela tidak berpakaian seragam di Sabah yang diiktiraf oleh MBM. Maksudnya SANYA merupakan wakil tunggal golongan belia Sabah di MBM.

Kegiatan utama yang dijalankan oleh SANYA adalah menganjurkan kursus-kursus kepimpinan belia, kursus-kursus kewartawanan, mengadakan majlis-majlis seminar dan dialog, pementasan kebudayaan tempatan dan juga menjayakan projek-projek khidmat sosial seperti gotong royong, menderma darah dan lain-lainnya.

Sebagai sebuah pertubuhan belia, SANYA adalah masih muda namun setelah berusia lebih kurang 18 tahun, SANYA telah dapat menunjukkan potensi dan pencapaian yang dapat dibanggakan terutama sekali kepada belia-belia Sabah. SANYA adalah salah sebuah pertubuhan belia yang terbesar di-Malaysia.

1.1 <u>Objektif Kajian</u>

Kajian ini akan memberi tumpuan kepada kegiatan Pertubuhan Belia Kebangsaan Sabah (SANYA), sebagai sebuah pertubuhan belia yang resmi yang mewakili seluruh kegiatan-kegiatan belia di negeri Sabah.

Objektif utama kajian ini adalah untuk meninjau dan untuk menilai sejauhmanakah, sejak ianya ditubuhkan, SANYA telah berperanan di dalam membantu proses pembangunan dan kemajuan terutama sekali di dalam aspek sosial dan ekonomi di Sabah.

Di samping itu, kajian ini sebagai sebuah penulisan latihan ilmiah, akan membuat suatu 'review' terhadap organisasi SANYA berdasarkan kepada penulisan latihan ilmiah oleh Sukarti Wakiman (1976). Maka kajian ini berusaha untuk meninjau perkembangan serta kemajuan yang telah dicapai oleh SANYA terutama sekali selepas 1976 sehingga ke hari ini dengan membincangkan tentang peranan SANYA di dalam menjaga kebajikan golongan belia di Sabah.

1.2 Bidang Kajian

Kajian ini adalah mengenai organisasi SANYA secara keseluruhannya. Tumpuan khas bagaimanapun akan diberikan kepada organisasi pusat SANYA yang bertindak sebagai badan penyelaras bagi kesemua kegiatan-kegiatan SANYA diperingkat pusat, daerah dan cawangan.

Perbincangan seterusnya akan menyentuh tentang matlamat-matlamat dan dasar-dasar organisasi SANYA berhubung dengan aktiviti-aktiviti yang dikelolakannya. Perkara ini akan menyentuh aspek-aspek pentadbiran, aspek-aspek pengurusan dan juga mengenai struktur kepimpinan SANYA di peringkat pusat dan juga cawangan.

Di dalam meninjau tentang sumbangan SANYA dalam aspek pembangunan khasnya di negeri Sabah, pemerihalan akan dibuat mengenai aktiviti-aktiviti sosio-ekonomi yang melibatkan golongan belia yang bergerak di bawah SANYA.

Tumpuan perbincangan akan diberikan terhadap aspek-aspek kemasyarakatan dan kegiatan perekonomian yang diceburi oleh SANYA. Seterusnya sebagai pertubuhan belia yang terbesar di Sabah, penilaian akan dibuat mengenai peranan dan kedudukan SANYA berhubung dengan situasi politik di Sabah.

Di samping itu, perbincangan juga akan menyentuh tentang masalah-masalah utama yang dihadapi oleh SANYA dan apakah resolusi-resolusi yang telah dan yang akan dibuat untuk mengatasi masalah-masalah berkenaan.

Akan turut juga dibincangkan ialah tentang projek-projek dan rancangan-rancangan yang akan dijalankan oleh SANYA pada masa akan datang. Pandangan dan cadangan akan dikemukakan oleh penulis sebagai suatu penilaian terhadap kegiatan-kegiatan SANYA selama ini terutamanya di dalam perkara-perkara yang berhubung dengan pergerakan belia. Penulis juga akan menyentuh tentang peranan belia di dalam proses pembangunan negara amnya dan pembangunan negeri Sabah khasnya.

1.3 Kepentingan Kajian

Adalah suatu kenyataan bahawa golongan belia merupakan nadi dan tulang belakang bagi sesebuah negara. Tenaga golongan belia tersangat penting untuk menjamin kemajuan dan pembangunan sesebuah masyarakat terutamanya dalam bidang sosio-ekonomi. Hakikat bahawa golongan belia adalah bakal pemimpin pada masa hadapan juga menunjukkan betapa pentingnya golongan belia diberikan perhatian yang sewajarnya. Lantaran itu kajian ini akan melihat peranan SANYA dalam membentuk dan melahirkan golongan belia yang boleh diharapkan oleh bangsa dan negara.

Kajian mengenai SANYA telah dibuat oleh Sukarti Wakiman sebagai latihan ilmiahnya pada tahun 1976. Kajian penulis ini merupakan kajian kedua yang dibuat ke atas SANYA. Maka kajian ini akan memberikan maklumat-maklumat yang lebih kemaskini mengenai SANYA sehingga akhir 1984.

Selain daripada itu, kedapatan bahawa masih belum banyak lagi kajian-kajian mengenai organisasi-organisasi belia. Selain daripada kajian Sukarti Wakiman, lain-lain kajian mengenai pergerakan belia adalah seperti berikut:-

(1) Harun Hj.Salleh (1976) - Angkatan Belia Islam Malaysia.

(2) Kamariah Jamaluddin (1976) - Persatuan Kelab-Kelab Belia Malaysia (Kajian Kes).

(3) Hassan Hussin (1977) - Organisasi Gerakan Belia 4B Malaysia.

(4) Abu Bakar Muhamad (1978) - Majlis Belia Malaysia.

(5) Noordin Sulaiman (1979) - Organisasi dan kepimpinan dalam Pertubuhan Belia di-daerah Kelang, Selangor.

(6) Habibah Md.Yusoff (1979) - Pergerakan Belia di Negeri Sembilan.

Kesemua kajian-kajian ini adalah untuk Ijazah Sarjana Muda Sastera Universiti Malaya. Kemudian pada 1981, Dr. Hussin Muhamad telah menulis dissertasi Ph.D bertajuk "Organisasi Belia di Semenanjung Malaysia dengan kajian khas ke atas Persatuan Kelab-Kelab Belia Malaysia dan Gerakan 4B". Maka adalah menjadi harapan penulis agar kajian mengenai SANYA ini akan dapat memberikan sumbangan ilmiah sekurang-kurangnya untuk rujukan serta kajian perbandingan mengenai organisasi-organisasi belia di negara ini.

University of Malaya

1.4 Kaedah Kajian

Kajian ini telah dijalankan di Kota Kinabalu Sabah selama lebih kurang satu setengah bulan iaitu dari awal bulan April 1984 hingga ke pertengahan bulan Mei 1984.

(i) Temubual

Semasa menjalankan kajian ini, kaedah penyelidikan utama yang digunakan oleh pengkaji ialah temubual iaitu temubual secara resmi dan secara tidak resmi. Pengkaji telah sempat menemubual dan mendapatkan pandangan-pandangan daripada tokoh-tokoh SANYA seperti berikut:-

(1) En.Vincent Shia - Timbalan Presiden II SANYA (1983 - 1984).

(2) En.Suhaili Riman - Setiausaha kerja SANYA pusat (sehingga awal Julai 1984).

(3) En.Masidi Manjun - Setiausaha Agong SANYA (1983 - 1984).

(4) En.Bairi Othman - Setiausaha kerja SANYA Pusat (menggantikan En. Suhaili).

(5) En.Tony Simol - Penolong Setiausaha kerja SANYA Pusat.

(6) En.Patrick Micheal - Pemangku Pengurus Besar KOSAN.

(7) En.Abd.Razak Abd.Rahman - Pengerusi SANYA cawangan Kg. Benoni (1983 - 1984).

(8) En.Maarof Datuk Hj.Yusuf - AJK Majlis Tertinggi SANYA (1971 - 1983).

Didalam temubual ini, borang soalselidik tidak digunakan. Sebaliknya pengkaji telah menyediakan soalan-soalan berhubung dengan SANYA sebagai panduan dan menemubual responden secara impromptu berdasarkan soalan-soalan panduan tadi.

(ii) Kajian Perpustakaan

Pengkaji telah membuat rujukan di Perpustakaan Negeri Sabah, di Perpustakaan Universiti Malaya dan juga Perpustakaan Jabatan Antropologi/Sosiologi Universiti Malaya. Bahan-bahan yang dirujuk di sini adalah buku-buku, potongan akhbar, penulisan tesis serta dissertasi mengenai pergerakan belia dan perkara-perkara yang berkenaan.

(iii) Rujukan juga dilakukan di Ibu Pejabat SANYA di-Kota Kinabalu. Di sini, pengkaji meneliti penyata-penyata tahunan SANYA, minit-minit masyuarat dan risalah-risalah yang diterbitkan oleh pertubuhan ini.

(iv) Selain daripada itu, pengkaji juga telah pergi ke Ibu Pejabat Koperasi Serbaguna SANYA untuk mendapatkan maklumat tentang kegiatan dan pencapaiannya.

1.5 Masalah Kajian

Masalah yang utama dihadapi oleh pengkaji adalah semasa hendak menemubual pemimpin-pemimpin SANYA. Mereka ini selalunya sibok dengan tugas-tugas resmi masing-masing.

University of Malaya

Lantaran itu, kebanyakan daripada maklumat yang diperolehi oleh pengkaji adalah daripada En. Suhaili Riman dan En. Vincent Shia. Malah mereka adalah merupakan "key informants" kepada pengkaji semasa kajian ini dijalankan.

Pengkaji juga menghadapi masalah untuk mendapatkan maklumat tentang SANYA pada peringkat ianya mula-mula menjalankan kegiatan. Tidak ada rekod yang disimpan di-Ibu Pejabat SANYA oleh kerana "filing system" pada peringkat awal kegiatan SANYA masih belum kemas dan teratur lagi. Perkara ini diakui oleh En. Bairi Othman yang mengatakan bahawa pihak SANYA sedang mengambil tindakan untuk mengumpul, menyusun dan mendapatkan semula dokumen-dokumen lama mengenai SANYA.

# BAB II

## DEFINISI DAN RANGKA KERJA KONSEP

Ada beberapa konsep yang terlibat dalam kajian ini memandangkan bahawa SANYA adalah suatu bentuk gerakan sosial yang melibatkan sebuah organisasi belia dan ia juga dapat ditinjau sebagai sebuah pertubuhan sukarela. Dalam konteks penulisan ini, akan dihuraikan konsep belia, konsep pertubuhan sukarela dan seterusnya menjelaskan kedudukan SANYA sebagai sebuah organisasi gerakan sosial.

### 2.1 BELIA

Adalah amat sukar untuk memberikan definisi tentang belia oleh kerana belia adalah satu konsep sosial yang kompleks[1] dan tafsirannya sering berubah daripada satu kebudayaan dengan satu kebudayaan yang lain[2].

Pada kebiasaannya aspek peringkat umur yang berhubung dengan perkembangan biologikal manusia dijadikan kriteria umum di dalam memberikan definisi belia[3]. Dalam konteks Malaysia umpamanya, belia dirujukkan kepada kumpulan yang berumur di antara 15 hingga 25 tahun, atau di antara 15 hingga 35 tahun atau yang berumur di bawah 30 tahun[4].

Antara definisi-definisi yang lain, ada yang memberikan konsep belia sebagai satu tahap yang dicirikan oleh faktor-faktor biologikal iaitu perubahan biofisiologikal yang berlaku pada tahap di antara peringkat kanak-kanak (childhood) dan peringkat dewasa (adulthood); ada yang men-

definisikan belia dengan menekankan kepada aspek-aspek fisiologikal dengan meletakkan tahap remaja (adolescence) ditengah-tengah "krisis identiti"; ada yang menggunakan kriteria perundangan dan perlembagaan yang merujuk kepada hak-hak dan tanggungjawab golongan muda (young people); dan bagi yang lain pula mengatakan bahawa faktor yang menentukan siapa dia golongan belia ialah tanggungjawab sosial seseorang individu itu iaitu daripada peringkat kanak-kanak sehingga mencapai kematangan sosial[5].

Namun ada pendapat lain yang menghujahkan bahawa sudah kurang wajar untuk mendefinisikan belia sebagai mereka yang berumur di antara 15 hingga 25 tahun. Ini berdasarkan kajian-kajian yang telah dibuat oleh UNICEF dan agensi-agensi kerajaan terutamanya di negara-negara Dunia Ketiga yang mendapati adanya golongan umur 11 atau 12 tahun yang baru berhijrah dari desa ke bandar dan mereka menghadapi masalah mencari pekerjaan ataupun sekadar untuk hidup (survive) di bandar, lantaran itu mereka ini sudah tentunya bukanlah lagi dapat disifatkan sebagai golongan kanak-kanak[6].

Oleh kerana terdapat banyak tafsiran yang berbeza-beza bersabit dengan konsepsi belia ini, seharusnyalah satu definisi yang pragmatik digunakan sepertimana yang disarankan oleh UNESCO yang mengemukakan bahawa, "Young people are those persons society deems young"[7].

Dalam soal memberikan definisi mengenai belia ini SANYA memberikan tafsirannya sepertimana yang termaktub dibawah artikel 2:2 Perlembagaan SANYA yang menyebutkan bahawa

belia sebagai seorang warganegara Malaysia yang berasal dari negeri Sabah yang berumur di antara 15 hingga 45 tahun.

Artikel 6(d) dalam Perlembagaan SANYA menyatakan bahawa rakyat Sabah daripada tahap umur 45 tahun ke atas adalah layak untuk memohon menjadi Ahli Bersekutu SANYA.

## 2.2 Konsep Pertubuhan Sukarela (Voluntary Association).

Secara idealnya, pengertian pertubuhan sukarela ini dapat dirumuskan sebagai sebuah organisasi yang melibatkan sekumpulan individu-individu yang berusaha untuk mencapai apa-apa jua matlamat dan kepentingan-kepentingan mereka. Terdapat tiga kriteria utama yang selalunya dikaitkan dengan pertubuhan sukarela.

"A voluntary association is an organized group of persons:-

(i) that is formed in order to further some common interest of its members,

(ii) in which membership is voluntary in the sense that it is neither mandatory nor acquired through birth, and

(iii) that exists independently of the state"[8].

Maka ternyata secara umumnya bahawa pertubuhan sukarela ini adalah diwujudkan atas prinsip sukarela dengan tujuan untuk menjaga kepentingan dan kebajikan ahli-ahlinya[9].

Kriteria yang ketiga menjelaskan bahawa organisasi pertubuhan sukarela adalah bebas daripada kawalan luar. Paul Chowdhury menjelaskan kedudukan pertubuhan sukarela dalam konteks ini sebagai:-

" ... an organization which, whether its workers are paid or unpaid, is initiated and governed by its own members without external control"[10].

Maksudnya persatuan sukarela mempunyai kedudukan sebagai pertubuhan yang bebas.

Namun aspek 'kebebasan' bagi pertubuhan sukarela ini dapat dipertikaikan berdasarkan aspek legality sesebuah pertubuhan sukarela itu. Apa yang lebih dapat diterima ialah bahawa pertubuhan sukarela boleh bergerak dengan bebas tetapi kebebasan ini ada batasannya.

Hakikat ini dijelaskan oleh keadaan masyarakat semasa di mana unsur perundangan dan campurtangan kerajaan adalah dominant. Terdapat peruntukan yang memestikan pertubuhan-pertubuhan didaftarkan secara resmi menurut undang-undang yang telah ditetapkan.

Maka aspek pendaftaran ini merupakan satu aspek penting berhubung dengan pertubuhan sukarela. Perlunya sesebuah pertubuhan sukarela itu didaftarkan menunjukkan adanya formality ataupun bahawa pergerakan pertubuhan sukarela adalah secara resmi. Hal ini menerangkan bahawa disamping bergerak atas kepentingan bersama ahli-ahlinya, pertubuhan sukarela juga perlu didaftarkan di bawah undang-undang yang tertentu. Di Malaysia misalnya, setiap pertubuhan adalah diwajibkan untuk mendaftar dan mendapat pengesahan daripada Pejabat Pendaftar Pertubuhan di bawah Akta Pertubuhan (pindaan tahun 1972). Pendaftaran ini ada-

lah diwajibkan ke atas semua pertubuhan sama ada yang bersifat politik, kebajikan, akedemik, professional dan sebagainya.

Adanya Akta Pertubuhan ini menjelaskan kedudukan pertubuhan-pertubuhan sukarela seperti SANYA sebagai masih tertakluk kepada pengawasan pihak kerajaan melalui undang-undang yang diwujudkan. Maka dengan itu konsepsi pertubuhan sukarela dalam penulisan ini adalah merujuk kepada pergerakan organisasi sukarela secara resmi atau formal[11]. Maksudnya segala aktiviti yang dirancangkan oleh pertubuhan-pertubuhan sukarela ini mestilah patuh kepada batas-batas undang-undang bersesuaian dengan sifatnya sebagai pertubuhan yang resmi.

Secara umumnya, pertubuhan sukarela ini adalah bersifat "non-state" dan juga yang ditaja oleh kerajaan. Pertubuhan sukarela yang bersifat "non-state" ini contohnya seperti firma-firma perdagangan, institusi-institusi akademik swasta ataupun kuil serta gereja. Antara pertubuhan sukarela di Malaysia yang ditaja oleh kerajaan adalah Persatuan Isteri-Isteri Keretapi Tanah Melayu di bawah Kementerian Pengangkutan, Persatuan Bekas-Bekas Perajurit di bawah Kementerian Pertahanan dan Persatuan Peladang di bawah Kementerian Pertanian.

Pertubuhan sukarela juga meliputi bahagian-bahagian tertentu yang ditubuhkan oleh parti-parti politik. Misalnya di Malaysia, dalam Parti Barisan Nasional terdapat Pemuda UMNO dan Wanita UMNO, Pemuda MCA dan Wanita MCA serta Pemuda MIC dan Wanita MIC. Parti Islam Se Malaysia (PAS) mempunyai

Dewan Pemuda PAS. Di Sabah terdapat Pemuda Berjaya dan Wanita Berjaya serta Pemuda USNO. Bahagian-bahagian ini adalah lebih merupakan jentera bagi parti-parti berkenaan untuk mendapatkan serta menjamin sokongan daripada orang ramai.

Selain daripada itu, pertubuhan-pertubuhan belia dan pelajar adalah merupakan pertubuhan sukarela yang penting di Malaysia. Antara pertubuhan belia yang besar di Malaysia ialah Persatuan Kelab-Kelab Belia Malaysia (PKBM) atau Malaysian Association of Youth Clubs (MAYC), Pertubuhan Belia 4B, Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Gabungan Belia Bersatu dan Belia Buddha (yang merupakan organisasi belia Cina), Tamil Bell Clubs dari Majlis Belia Hindu (yang dianggotai oleh belia-belia Hindu), SANYA (Sabah National Youth Association) dan Sarawak State Youth Organisation.

Pertubuhan-pertubuhan pelajar yang aktif pula antaranya Gabungan Pelajar-Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Persatuan Kebangsaan Pelajar-Pelajar Malaysia (PKPM) dan Persatuan Kebangsaan Pelajar-Pelajar Islam Malaysia (PKPIM). Pertubuhan-pertubuhan belia dan pelajar ini sering menonjol sebagai pengkritik sosial dan juga merupakan "conscience" masyarakat terhadap isu-isu semasa.

Termasuk juga dalam kategori pertubuhan sukarela ini ialah pertubuhan-pertubuhan berpakaian seragam seperti Pertubuhan Palang Merah, Persatuan Bulan Sabit Malaysia, Persatuan Pandu Puteri serta Persekutuan Pengakap.

Akhirnya, wujudnya pertubuhan sukarela dan adanya kebebasan berpersatuan adalah merupakan salah satu ciri penting dalam sesebuah masyarakat yang mengamalkan prinsip demokrasi seperti di Malaysia.

2.3 <u>SANYA Sebagai Sebuah Gerakan Sosial.</u>

Pengertian tentang gerakan sosial haruslah meliputi aspek-aspek perkumpulan, membuat perubahan serta aspek yang melibatkan skop dan organisasi.

King menjelaskan kedudukan sesebuah gerakan sosial sebagai:-

> "... a group of venture extending beyond a local community or a single event and involving a systematic effort to inaugurate changes in thought, behaviour and social relationships"[12].

Menurut Turner dan Killian, sebuah gerakan sosial adalah satu usaha kolektif yang bergerak secara bersambungan untuk samada menyokong atau menentang sesuatu perubahan dalam masyarakat atau kumpulan dalam mana ia adalah sebahagian daripadanya[13].

Gerakan sosial ini dapat dijelaskan melalui tiga kriteria utama iaitu:-

(i) tujuannya ialah untuk perubahan,

(ii) ia membentuk suatu organisasi; dan

(iii) skop geografinya tidak terhad kepada batas tempatan sahaja.

Tujuan untuk perubahan ini merujuk kepada perubahan dalam masyarakat samada dari segi perhubungan, norma-norma, kepercayaan ataupun kesemuanya sekali. Selalunya tujuan perubahan ini adalah untuk mencapai matlamat-matlamat yang dicita-citakan.

Sesebuah gerakan sosial seterusnya memerlukan organisasi dalam usaha menuju ke arah matlamatnya. Dalam organisasi ini akan kedapatan adanya perbezaan status diantara golongan pemimpin dengan mereka yang menjadi pengikut. Kedapatan juga perbezaan dalam aspek kuasa, tanggungjawab dan prestij di kalangan ahli.

Akhirnya, gerakan sosial walaupun pada peringkat, awalnya adalah terbatas kepada sesuatu kawasan, namun ia mempunyai kecenderungan untuk tersebar ke kawasan lain. Ini disebabkan oleh matlamat gerakan sosial itu sendiri yang biasanya adalah untuk kepentingan masyarakat umumnya.

Ketiga-tiga kriteria yang dinyatakan tadi dapat di kesan dalam organisasi SANYA. SANYA mempunyai tujuan untuk mengubah kedudukan golongan belia di negeri Sabah terutamanya golongan belia yang terbiar dan menganggor. Seterusnya SANYA bergiat di peringkat negeri, di peringkat kebangsaan melalui gabungannya sebagai anggota dalam Majlis Belia Malaysia serta di peringkat antarabangsa, di mana melalui Majlis Belia Malaysia SANYA mempunyai hubungan dengan Asian Youth Council (AYC), World Assembly of Youth (WAY) dan juga hubungan dengan UNESCO.

Konsep gerakan sosial sering juga dikaitkan dengan tindakan-tindakan berkumpulan yang bersifat anti-establishment, di mana kumpulan-kumpulan ini seperti gerakan pelajar dan gerakan ugama biasanya aktif dalam mengkritik dasar-dasar kerajaan yang dianggap berat sebelah, berbau perkauman, kurang adil dan sebagainya.

Selain daripada bersifat anti-establishment, ada pendapat lain yang mengatakan gerakan sosial sebagai bertujuan untuk membentuk satu corak baru dalam kehidupan manusia iaitu gerakan sosial sebagai "... a collective enterprise to establish a new order of life"[14].

Pada umumnya sesuatu gerakan sosial itu memperlihatkan adanya kesedaran tertentu, sama ada secara terbuka atau tertutup, untuk mengubah status quo masyarakat, yang akan mengakibatkan pembentukan suatu status quo yang baru pula [15].

Maka dapat dibuat satu rumusan bahawa gerakan sosial adalah suatu organisasi sekumpulan anggota masyarakat yang bertindak secara kolektif di atas kesedaran mereka dan untuk menjaga kepentingan mereka bersama.

Dalam konteks ini, SANYA yang terasnya adalah penglibatan golongan belia, adalah merupakan suatu bentuk tindakan yang kolektif yang juga merupakan suatu gerakan sosial dalam mana terdapatnya kesedaran tertentu di kalangan pucuk pimpinan dan di kalangan ahli-ahli SANYA untuk memperbaiki lagi kedudukan mereka di dalam pelbagai aspek yang tertentu.

CHAPTER NOTE

1. Lihat Hussain Mohamed, "Organisasi Belia Di Semenanjung Malaysia Dengan Kajian Khas Ke Atas Persatuan Kelab-Kelab Belia Malaysia dan Gerakan 4B Malaysia". (Tesis Ph.D, Universiti Malaya, 1981), m.s. 43.
2. Karanth, G.K., Rural Youth. (New Delhi: Concept Publishing Company, 1981), m.s. 2.
3. Lihat antara lain:
   - Eisenstadt, S.N., From Generation to Generation: Age Groups and Social Structure. (New York: The Free Press of Glencoe, 1956), m.s. 21.,
   - Friedmann, F.G., Youth and Society (London: The MacMillan Press Ltd., 1971), m.s. 9.,
   - Manning, P.K. and Truzzi, M.(eds). Youth and Sociology, (New Jersey: Prentice-Hall, Inc., Englewood Cliffs, 1972) m.s. 1 - 5.
4. Anwar Ibrahim, "Falsafah Perjuangan Belia"., Diskusi, keluaran April - Mei 1979. Jilid 4. m.s. 2.
5. Luis A.Gomes and Lucia Ribeiro: Youth Participation in the Development Process; A case study in Panama. (Paris, The Unesco Press, 1976), m.s. 5.
6. Lapuran UNESCO, Youth in the 1980s (Persidangan Agong UNESCO ke 21 di Belgrade, 1980., The Unesco Press.) m.s. 26.

7. UNESCO: In Partnership With Youth (France,Off Set-Aubin, 1969) m.s. 10.
8. International Encyclopedia of Social Science, vol.16, m.s. 362 - 363., Lihat juga perbincangan: Hussain Mohamed.(Tesis Ph.D, 1981), Hsieh, Jiann: "The Chinese Community in Singapore. The Internal Structure", dalam S.J Chen dan Hane-Dieter Evers (eds). Studies in ASEAN Sociology. (Singapore, Chopman Enterprise, 1978), dan Lockerd Craig. A., "Voluntary Association and Chinese Society in Sarawak 1870 - 1941." Journal of the South Seas Society. m.s. 1 - 29.
9. Scot, R dan Blau, P., Formal Organisation; A Comparative Approach. (London, Routledge & Keegen Paul, 1963) m.s. 41.
10. Chowdhury, P., Voluntary Social Welfare in India (New Delhi, Streling Publishers (P) Ltd. 1971) m.s. 36.
11. Hussain Mohamed, op.cit. m.s. 47 - 49.
12. King, C.Wendell., Social Movement in the United States. (New York, Rondom House Inc., 1969) m.s. 27.
13. Ralph H.Turner & Lewis M.Killian., Collective Behaviour. (New Jersey, Prentice-Hall Inc., Englewood Cliffs. 1972) m.s. 246.
14. Blumer, Herbert., "Elementary Collective Behaviour", dalam New Outline of the Principles of Sociology. Alfed McClung Lee (ed.), (New York, Barnes and

University of Malaya

Noble, 1951) m.s. 199.

15. Lihat Hussain Mohamed., "Belia, Gerakan Sosial dan Perubahan Masyarakat: Suatu Deskripsi Umum Mengenai Penglibatan Belia Antara Masyarakat". dalam Analisa Belia, Jurnal Belia Malaysia. Bilangan 1., Kuala Lumpur. 1983. m.s. 78.

University of Malaya

# BAB III

## MATLAMAT DAN DASAR SANYA

### 3.1 Tujuan Asas Ditubuhkan

Pada amnya tujuan penubuhan SANYA adalah untuk menyatupadukan golongan belia di Sabah dan secara khususnya pula matlamat SANYA ialah untuk mengumpulkan para belia dan beliawanis negeri ini yang berumur di antara 15 hingga 45 tahun dengan maksud untuk:

(a) - meninggikan taraf sosial dan kebudayaan ahli-ahlinya,

(b) - memelihara serta meninggikan perasaan muhibah dan harmoni di kalangan rakyat negeri ini tanpa mengira bangsa, ugama atau kepercayaan masing-masing,

(c) - menggalakkan para belia dan beliawanis negeri ini mengambil tanggungjawab sepenuhnya dalam hal ehwal tatarakyat dan kehidupan dalam negeri serta masyarakatnya,

(d) - memelihara serta meninggikan perasaan muhibah dan persaudaraan dengan lain-lain badan belia yang mempunyai matlamat yang serupa dalam negeri ini,

(e) - mengambil bahagian dalam apa jua projek yang memberi faedah kepada negeri ini, ahli-ahli SANYA dan kepada badan SANYA sendiri,

(f) - menanamkan perasaan setia dan ingin berbakti kepada negara di kalangan ahli-ahli-nya,

(g) - mengumpulkan wang untuk meneruskan matlamat-matlamat SANYA,

(h) - membuat apa jua perkara lain yang penting dan berguna untuk mencapai matlamat-matlamat di atas.

Ternyata matlamat-matlamat SANYA ini adalah sangat menitikberatkan kebajikan ahli-ahlinya disamping mengutamakan juga aspek integrasi nasional bersesuaian dengan konsep berbilang kaum yang didokongi oleh SANYA.

Seterusnya adalah menjadi suatu dasar bagi SANYA seperti yang termaktub di dalam perlembagaannya bahawa persatuan ini tidak boleh melibatkan diri ataupun bergabung dengan sebarang parti politik atau dengan apa jua pertubuhan yang berunsur politik.

Dalam hal ini dari satu segi sememangnyalah amat wajar bagi SANYA sebagai sebuah persatuan sukarela yang bebas untuk bersikap berkecuali dalam soal politik, tetapi dari satu segi yang lain, SANYA hendaklah sentiasa peka terhadap segala perkembangan dan ehwal semasa yang berlaku serta seharusnya bertindak sebagai suatu agensi yang dapat menyalurkan aspirasi rakyat kepada pihak kerajaan.

Berlandaskan matlamat-matlamat dan dasarnya inilah, SANYA mula bergerak sebagai sebuah persatuan belia di bawah suatu pucuk kepimpinan yang terdiri daripada 15 orang yang menduduki Jawatankuasa Kerja Pusat SANYA yang pertama.

Jawatankuasa Kerja Pusat SANYA yang pertama bagi tahun 1966 - 1967 adalah seperti berikut:-

| | | |
|---|---|---|
| Yang DiPertua | : | Datuk Harris Mohd.Salleh |
| Timbalan Yang DiPertua | : | Encik Jack Chin |
| Naib Yang DiPertua | : | Encik Abdul Karim Ghani |
| | | Encik Darus Binion |
| | | Encik M. W. Kaling |
| Satiausaha Agong | : | Encik R. B. Patel |
| Bendahari Agong | : | Encik David Cheuk |
| Ahli Jawatankuasa | : | Encik Wilfred Linggam |
| | | Encik Mohd.Yahya Zakaria |
| | | Encik Bahari Asip |
| | | Encik Awang Osman Mohd. Salleh |
| | | Encik Lim Ting Yee |
| | | Encik Kong Fook Song |
| | | Cik Norlia Mohd. Andu |
| | | Cik Villa Thein |

Pada tahun-tahun yang berikutnya terdapat penambahan dalam jumlah komposisi ahli-ahli dalam Jawatankuasa Kerja Pusat ataupun Majlis Tertinggi SANYA untuk menampung tugas-tugas yang semakin bertambah. (Sila lihat lampiran).

University of Malaya

3.2 Keahlian SANYA

Sebagai suatu persatuan yang besar, keahlian SANYA terbahagi kepada tiga kategori iaitu Ahli Biasa, Ahli Bersekutu dan Ahli Kehormat.

(a) Ahli Biasa

- Rakyat Sabah daripada apa jua bangsa, ugama atau kepercayaan yang berumur di-antara 15 hingga 45 tahun adalah layak untuk menjadi ahli biasa.

(b) Ahli Bersekutu

- Mereka yang layak untuk menjadi Ahli Ber-sekutu ialah rakyat Sabah daripada sebarang bangsa dan ugama yang telah mencapai umur 45 tahun.

(c) Ahli Kehormat

- Keahlian ini akan dianugerahkan oleh Majlis Kerja Pusat kepada individu-individu yang telah berumur lebih daripada 45 tahun yang telah memberikan khidmat yang cemerlang kepada kebajikan SANYA. Namun demikian mereka yang menjadi ahli kehormat tidak mempunyai hak-hak untuk mengundi dalam persatuan.

Kecuali bagi Ahli Kehormat, permohonan untuk men-jadi Ahli Biasa dan Ahli Bersekutu hendaklah dibuat secara formal dengan mengisikan borang permohonan terlebih dahulu.

Sehingga tahun 1984, jumlah keahlian SANYA adalah dianggarkan lebih kurang 78 ribu orang. Menurut Setiausaha Kerja SANYA Pusat, tidak adanya angka jumlah keahlian SANYA yang tepat adalah oleh kerana dari masa kesemasa ada cawangan SANYA yang baru ditubuhkan dan ada pula cawangan lain yang terpaksa dibubarkan oleh kerana ketiadaan aktiviti dan kelemahan pemimpinnya.

### 3.3 Organisasi dan Pentadbiran SANYA

Organisasi SANYA digerakkan oleh beberapa buah Majlis Sidang Perwakilan, Majlis Kerja Pusat, Jawatankuasa Peringkat Cawangan serta Badan Penyelaras Daerah yang baru sahaja ditubuhkan.

(a) Sidang Perwakilan.

Pentadbiran SANYA pada keseluruhannya adalah diselenggarakan mengikut Sistem Perwakilan (dahulunya disebut Majlis Persidangan Tertinggi). Sidang perwakilan ini terdiri daripada ahli-ahli Majlis Kerja Pusat dan dua orang perwakilan yang dipilih daripada tiap-tiap cawangan SANYA. Nama-Nama perwakilan ini telah terlebih dahulu diserahkan oleh setiausaha cawangan yang berkenaan kepada Majlis Kerja Pusat.

Komposisi sidang perwakilan yang sedemikian ini adalah untuk menentukan bahawa setiap cawangan SANYA mempunyai peranan disamping mengamalkan prinsip hak bersuara dan hak mengundi didalam masyuarat peringkat tertinggi SANYA.

Bidang kuasa sidang perwakilan ini meliputi kuasa melantik ahli-ahli untuk jawatan-jawatan tertentu kecuali jawatan yang dilantik oleh Yang DiPertua (Presiden). Sidang perwakilan ini akan menyemak lapuran-lapuran tahunan dan penyata kira-kira. Ia juga bertanggungjawab dalam merangka belanjawan SANYA bagi tahun-tahun yang berikutnya. Juruodit Dalam dan Juruodit Luar adalah dilantik oleh sidang ini.

(b) <u>Majlis Kerja Pusat</u>.

Majlis Kerja Pusat ini adalah merupakan Badan Eksekutif SANYA. Majlis ini mempunyai tanggungjawab dalam pentadbiran hal ehwal SANYA di bawah bidang kuasa dan sidang perwakilan. Majlis ini juga mempunyai kuasa untuk bertindak bagi pihak sidang perwakilan.

Jawatankuasa dalam Majlis Kerja Pusat ini terdiri daripada:-

(a) Seorang Yang DiPertua,

(b) Tiga orang Timbalan Yang DiPertua,

(c) Lima orang Naib Yang DiPertua,

(d) Seorang Setiausaha Agong,

(e) Seorang Bendahari Agong,

(f) Tidak lebih daripada 14 orang ahli jawatankuasa yang dipilih dua tahun sekali didalam sidang perwakilan, dan

University of Malaya

(g) Tidak lebih daripada 8 orang ahli jawatankuasa yang dilantik dua tahun sekali oleh Yang DiPertua* sekiranya difikirkan perlu.

Antara perkara-perkara utama di bawah kuasa, tugas dan tanggungjawab Majlis Kerja Pusat SANYA ini adalah:-

(1) - Untuk bekerjasama dengan lain-lain pertubuhan belia di negeri Sabah dalam bidang sosial dan kegiatan-kegiatan lain yang tidak bertentangan dengan perlembagaan SANYA,

(2) - Mengesah dan mengiktirafkan penubuhan sebuah cawangan SANYA dan mengawasi supaya kegiatan-kegiatannya adalah selaras dengan Perlembagaan SANYA,

(3) - Mengawasi dan mengawal kegiatan-kegiatan serta pentadbiran cawangan-cawangan SANYA demi meninggikan lagi taraf kedudukan cawangan-cawangan berkenaan,

---

*Yang DiPertua juga diberi kuasa untuk membuat perlantikan bagi jawatan-jawatan berikut:-

(i) Timbalan Yang DiPertua III
(ii) Naib Yang DiPertua V
(iii) Setiausaha Agong
(iv) Bendahari Agong

(4) - Memilih ahli-ahli untuk mewakili SANYA dalam apa jua sidang perwakilan atau Majlis tertentu yang diadakan di dalam atau di luar negeri.

(5) - Untuk mempertimbangkan rayuan daripada ahli-ahli mengenai keputusan Lembaga Tata Tertib. Lembaga Tata Tertib ini dibentuk oleh Majlis Kerja Pusat untuk mengawasi disiplin dan tatatertib dalam organisasi SANYA.

(6) - Menyerahkan lapuran-lapuran tahunan dan penyata kira-kira kepada Sidang Perwakilan SANYA.

(7) - Melaksanakan matlamat-matlamat SANYA.

3.4 <u>Pentadbiran Peringkat Cawangan SANYA</u>

Di peringkat cawangan pentadbiran SANYA dijalankan oleh suatu Jawatankuasa Kerja Cawangan yang terdiri daripada:-

- Pengerusi Cawangan
- Timbalan Pengerusi Cawangan
- Setiausaha
- Penolong Setiausaha
- Bendahari, dan
- tidak kurang daripada 5 orang ahli yang dipilih dua tahun sekali dalam mesyuarat agong cawangan. (Mesyuarat Agong peringkat cawangan diadakan tidak lewat daripada penghujung bulan

April dalam tahun yang berkenaan).

Jawatankuasa Kerja Cawangan ini akan merangka dan menjalankan aktiviti-aktiviti masing-masing disamping menerima arahan dari masa ke semasa daripada Majlis Kerja Pusat untuk tujuan mesyuarat perwakilan, mesyuarat Agong dan hal-hal lain yang berkenaan.

3.5 <u>Badan Penyelaras Daerah</u>

Langkah penubuhan Badan Penyelaras Daerah ini telah diputuskan dalam mesyuarat Agong SANYA Pusat yang telah bersetuju supaya setiap daerah di Sabah mestilah menubuhkan satu badan penyelaras cawangan-cawangan SANYA yang terdapat di daerah-daerah berkenaan.

Tujuan utama Badan Penyelaras ini ditubuhkan adalah untuk menentukan adanya hubungan yang lebih rapat antara cawangan-cawangan SANYA di peringkat daerah dengan pihak SANYA Pusat di Kota Kinabalu.

Objektif dan tugas-tugas yang menjadi tanggungjawab Badan Penyelaras SANYA Daerah ini adalah untuk:-

(a) Menyelaraskan semua kegiatan yang dibuat oleh cawangan-cawangan SANYA diperingkat daerah,

(b) Menggerakkan semula cawangan-cawangan SANYA yang hampir tidak berfungsi lagi atau yang telah berhenti bergiat oleh kerana tidak ada aktiviti atau disebabkan oleh hal-hal tertentu, dan

(c) Membuka cawangan-cawangan yang baru serta menarik ahli-ahli baru disamping memperbaharui keahlian yang lama.

Kini SANYA telahpun menubuhkan Jawatankuasa Penyelaras Daerah dikesemua 24 daerahnya. Senarai daerah-daerah berkenaan dan nama pengerusi Badan Penyelaras disetiap daerah itu adalah seperti berikut:-

<u>BADAN PENYELARAS DAERAH SANYA</u>

| | DAERAH | PENGERUSI |
|---|---|---|
| 1. | Kota Kinabalu | En. Terrence Chong |
| 2. | Tanjong Aru | En. Lim Tyng Yee |
| 3. | Likas | En. Henry Chok |
| 4. | Penampang | En. Clarence B.Malakun |
| 5. | Tambunan | En. Martin Idang |
| 6. | Keningau | En. Musa Aman |
| 7. | Pensiangan | YB. Hj. Azmi Koroh |
| 8. | Tenom | YB. HJ.Hussin Sangau |
| 9. | Papar | En. Sabdin Ghani |
| 10. | Beaufort | YB. Mohd.Yusof Hj.Yakob |
| 11. | Kuala Penyu | En. Sebastian Anjim |
| 12. | W.P. Labuan | En.Hamidon Hj. Ibrahim |
| 13. | Sipitang | YB. Ibrahim Hj. Ahmad |
| 14. | Kudat/Pitas/Kota Marudu | En. Thomas P.Kastum |
| 15. | Kota Belud | Mohd.Salleh Tan Sri Said Keruak |
| 16. | Tuaran | En. George Kunjan |
| 17. | Ranau | En. Masidi Manjun |
| 18. | Sandakan | En. Ian Chin |
| 19. | Beluran | En. Abdul Malik |
| 20. | Kinabatangan | En. Zaki Hj. Gusmiah |
| 21. | Lahad Datu | En. Lamri |
| 22. | Kunak | En. Landang Samad |
| 23. | Semporna | YB. Abdillah Abd. Hamid |
| 24. | Tawau | YB. Baharom Datuk Hj.A.B.Titingan |

3.6 <u>Urusetia SANYA Pusat</u>

Di peringkat SANYA pusat juga terdapat satu badan urusetia yang menyelaraskan segala aktiviti-aktiviti SANYA diperingkat cawangan dan daerah. Sekarang ini pentadbiran Urusetia SANYA Pusat diketuai oleh Setia-usaha Agong SANYA, En. Masidi Manjun dengan dibantu oleh seorang setiausaha kerja, Encik Bairi Othman (menggantikan En. Suhaili Riman yang meletakkan jawatan pada bulan Julai 1984 atas sebab melanjutkan pelajaran), seorang timbalan setiausaha kerja, En. Tony Simol dan seorang penolong setiausaha kerja, En. Abdul Rauf Said. Kakitangan lain ialah seorang kerani/jurutaip, seorang pembantu kerani dan seorang pemandu.

Untuk melangkapkan lagi penyelenggaraan matlamat dan aktiviti-aktiviti SANYA, sebanyak 10 Jawatankuasa Kecil SANYA diperingkat Pusat telah dibentuk iaitu:-

(1) J/K Kecil Bangunan Ibu Pejabat SANYA
(2) J/K Kecil Pentadbiran
(3) J/K Kecil Penerangan dan Publisiti
(4) J/K Kecil Rancangan Aktiviti Belia
(5) J/K Kecil Pelajaran dan Latihan
(6) J/K Kecil Perkhidmatan Masyarakat
(7) J/K Kecil Perhubungan Antarabangsa
(8) J/K Kecil Senibudaya dan Kraftangan
(9) J/K Kecil Rekreasi dan Hiburan
(10) J/K Kecil Tabung Kenangan

3.7 Masalah Dalam SANYA

Menurut En. Vincent Shia, masalah utama yang dihadapi oleh SANYA adalah bagaimana untuk menghidupkan semula semangat kepimpinan yang lama di mana para pemimpin SANYA pada peringkat awalnya adalah "bergerak bersama matlamat SANYA", iaitu contohnya Datuk Harris sendiri telah masuk ke kampung-kampung untuk mengidentifikasikan pemimpin-pemimpin SANYA dengan golongan belia terutamanya belia luar bandar di samping cuba untuk memahami aspirasi kaum belia.

Dedikasi dan minat yang ditunjukkan oleh para pemimpin "order" lama SANYA itu ternyata mempunyai kesan yang kuat di kalangan para belia di mana ianya benar-benar menggerakkan mereka untuk melibatkan diri dalam projek-projek sivik, gotong royong, mengumpulkan bantuan dan derma semasa bencana alam dan sebagainya.

Perkara ini dikemukakan bukanlah bertujuan untuk mengatakan bahawa barisan kepimpinan SANYA sekarang ini tidak berdedikasi seperti kepimpinan yang lalu. Masalah yang dihadapi dari aspek kepimpinan ini berpunca daripada situasi dimana kebanyakan pemimpin-pemimpin SANYA sekarang ini adalah terdiri daripada kakitangan kerajaan, golongan professional dan juga ahli politik yang terpaksa memberikan lebih banyak tumpuan terhadap tugas dan tanggungjawab resmi mereka. Maksudnya mereka ini adalah orang-orang yang sentiasa sibok dengan tugas masing-masing dan tidak mempunyai cukup masa untuk mendekati golongan belia di kampung-kampung.

Lantaran itu, para pemimpin SANYA sekarang hendaklah memikirkan tentang perkara ini dan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk memperdekatkan lagi perhubungan diantara pemimpin-pemimpin SANYA dengan para belia. Untuk memastikan bahawa cawangan-cawangan SANYA di kampung-kampung tidak hidup separuh jalan sahaja, maka adalah penting bagi kepimpinan SANYA untuk menarik penglibatan golongan belia daripada peringkat "grass root" lagi. Maksudnya jawatankuasa SANYA terutama sekali Jawatankuasa Pusat SANYA mestilah menegakkan slogan "Kepimpinan Melalui Teladan" sebagai arah dan perancang untuk diikuti oleh cawangan-cawangan SANYA.

Kedapatan juga pada masa kebelakangan ini, ada cawangan-cawangan yang tidak menghantar perwakilan ke Mesyuarat Agong SANYA. Ini merupakan suatu gejala yang kurang sihat yang harus diperbetulkan agar tidak berulang lagi demi kepentingan ahli SANYA seluruhnya. Mesyuarat Agong ini penting oleh kerana disini akan dipilih para pemimpin untuk mentadbirkan SANYA untuk sesuatu sessi. Para perwakilan memegang mandat ahli cawangan-cawangan yang mereka wakili. Oleh itu cawangan-cawangan yang tidak menghantar perwakilan ke Mesyuarat agong SANYA telah menafikan hak ahli-ahli yang lain. Cawangan-cawangan yang gagal menghantar perwakilan ini adalah cawangan-cawangan yang kurang aktif. Menyedari akan masalah ini, SANYA telah mengambil tindakan dengan menubuhkan Badan Penyelaras Daerah. Antara lain badan ini ditugaskan untuk menggerakkan semula mana-mana cawangan SANYA yang hampir tidak ber-

fungsi lagi.

Masalah cawangan yang tidak aktif ini berhubung rapat dengan masalah kurangnya kemahiran pentadbiran para pemimpin di peringkat cawangan terutamanya di kampung-kampung. Ini adalah kerana ramai pemimpin cawangan ini yang kurang berpengalaman dalam pentadbiran organisasi berbanding dengan rakan sejawat mereka dikawasan bandar yang kebanyakannya terdiri daripada pegawai-pegawai kerajaan yang sudah biasa dengan hal-hal pentadbiran. Untuk mengatasi masalah ini, SANYA menganjurkan kursus-kursus kepimpinan dari masa ke semasa untuk memberikan panduan, pengetahuan dan keyakinan diri terutamanya dikalangan pemimpin-pemimpin cawangan SANYA mengenai selok belok pengurusan organisasi.

Satu masalah lagi yang sering timbul ialah tentang kewangan. Ternyata peruntukan kewangan yang diberi oleh kerajaan negeri adalah terhad dan tidak mencukupi untuk diagih-agihkan kepada kesemua cawangan SANYA. Peruntukan kerajaan ini selalunya kurang daripada jumlah perbelanjaan SANYA seperti yang dinyatakan dalam jadual A.

Jadual A

Peruntukan kewangan kerajaan negeri dan perbelanjaan tahuhan SANYA pada tahun 1981, 1982 dan 1983

| | 1981 | 1982 | 1983 |
|---|---|---|---|
| a) Peruntukan kerajaan | $ 203,000 | $ 86,564 | $ 143,030 |
| b) Perbelanjaan SANYA | 254,782 | 120,421 | 128,373 |
| Lebihan perbelanjaan daripada pendapatan | 51,645 | 31,951 | 36,129 |

Sumber: Lapuran Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan SANYA tahun 1981, 1982 dan 1983.

Dalam soal kewangan ini, SANYA tidaklah bergantung sepenuhnya kepada bantuan kerajaan. SANYA seboleh-bolehnya cuba berdikari untuk mendapatkan sumber kewangan. Ini dilakukan dengan mengadakan pertunjukkan-pertunjukkan pentas untuk mengutip derma. Misalnya pada 21hb. Mei, 1983, SANYA telah mengunjurkan Malam Amal SANYA dimana sejumlah $29,000.00 telah dapat dikutip. Selain daripada itu, SANYA juga sering mendapat sumbangan kewangan daripada orang-orang perseorangan dari masa ke semasa.

# BAB IV

## SANYA: PENCAPAIAN DAN SUMBANGANNYA TERHADAP PEMBANGUNAN SOSIO-EKONOMI NEGERI SABAH

### 4.1 Aktiviti SANYA dan Pencapaiannya

Untuk melihat peranan dan sumbangan SANYA, tumpuan yang penting adalah terhadap aktiviti-aktiviti yang dirancangkan dan dilaksanakan oleh SANYA. Ini merupakan satu ukuran yang membolehkan penilaian dibuat mengenai samada aktiviti-aktiviti SANYA ada atau dapat sekurang-kurangnya mendatangkan manafaat kepada ahli-ahli SANYA khususnya dan kepada rakyat serta negara pada amnya.

Sukarti Wakiman (1976) membahagikan aktiviti SANYA kepada dua bahagian :

(i) Aktiviti Asas

(ii) Aktiviti Kemasyarakatan

Aktiviti asas ini lebih mementingkan kebajikan ahli-ahli dan persatuan. Ini meliputi kursus-kursus kepimpinan dan latihan belia, aktiviti hiburan dan kebudayaan serta majlis seminar dan dialog. Sementara aktiviti kemasyarakatan pula memberi keutamaan kepada kebajikan masyarakat seluruhnya. Aktiviti-aktiviti kemasyarakatan ini termasuklah projek-projek gotong royong, pementasan, sukan dan lain-lain.

Aktiviti-aktiviti yang dinyatakan ini dapat dikatakan sebagai suatu kebiasaan dalam kebanyakan persatuan-persatuan sukarela. Dalam konteks SANYA, pada pertengahan 1976, ia telah menceburkan diri dalam satu

kegiatan yang secara sekali gus memberikan sumbangan yang besar kepada golongan belia di Sabah dan juga menyumbang kepada pembangunan sosio-ekonomi negeri ini.

Pencapaian SANYA yang dimaksudkan ini adalah mengenai penubuhan Koperasi Serbaguna SANYA (KOSAN).

Kosan telah ditubuhkan pada 2hb. Jun 1976. Faktor masa ini adalah agak penting oleh kerana dalam pertengahan tahun tujuh puluhan ini merupakan satu jangka-waktu yang agak kritikal di mana terdapat ramai belia yang menganggur di Sabah. Kebanyakan daripada mereka ini telah terkandas atau gagal dalam darjah enam dan tingkatan tiga.

Maka bersesuaian dengan dasar dan matlamatnya, SANYA telah mewujudkan KOSAN sebagai satu alat untuk membantu para belia menolong diri mereka sendiri.

Sebenarnya matlamat penubuhan KOSAN pada prinsipnya adalah memandangkan kepada perlunya ada satu organisasi usahaniaga yang akan membolehkan golongan belia mengambil bahagian secara langsung di dalam proses pembangunan sosio-ekonomi negeri Sabah.

Huraian yang terperinci akan dikemukakan di sini bersabit dengan KOSAN di mana kepentingannya dapat dilihat dari segi menyediakan peluang-peluang pekerjaan sambil mengurangkan pengangguran, mengajar kemahiran asas kepada mereka yang terlibat di samping menggalakkan penggunaan sumber-sumber tempatan. Daripada huraian ini nanti, akan kelihatan secara tidak langsung peranan SANYA melalui

KOSAN di dalam usaha membantu golongan belia disamping menggiatkan lagi kemajuan negeri Sabah.

Dengan adanya KOSAN, golongan belia tidak sahaja berpeluang menyertai kegiatan perekonomian, malah mereka juga akan dapat memiliki saham persendirian. Seseorang yang berminat untuk menyertai KOSAN mestilah terlebih dahulu menjadi seorang ahli SANYA. Untuk memenuhi syarat ini, seseorang itu haruslah membeli paling minima sebanyak 10 unit saham yang bernilai M$10.00 bagi setiap unit.

Di sini, pemilikan saham adalah satu daripada cara untuk memupuk sikap berjimat cermat di kalangan para belia yang terlibat. Dirasakan sambutan yang lebih baik akan didapati daripada para belia untuk membeli saham KOSAN sekiranya dapat diturunkan lagi harga seunit saham itu.

Penubuhan KOSAN adalah juga ditujukan ke arah matlamat untuk mendirikan beberapa buah industri yang bersifat intensif-buruh dan yang akan membuka lebih banyak peluang-peluang pekerjaan. Industri intensif-buruh ini telah didirikan di kawasan-kawasan strategik di mana didapati ramai para belia yang menganggor. Maka dengan itu KOSAN telah mewujudkan tiga jenis perusahaan secara besar-besaran iaitu perusahaan perabot, perusahaan kasut dan perusahaan pakaian. Perusahaan-Perusahaan ini memerlukan tenaga kerja yang banyak dan ini telah dipenuhi oleh para belia yang menganggur tadi.

Kilang perusahaan perabot KOSAN didirikan di-Batu 6, Jalan Putatan, Pantai Petagas, Kota Kinabalu. Hasil utama kilang ini ialah mengeluarkan perabot untuk kegunaan sekolah-sekolah seperti bangku,kerusi dan meja. Selain daripada itu kilang ini juga membekalkan perabot kepada pejabat-pejabat kerajaan dan hotel-hotel serta mengedarkan perabot rumah di pasaran tempatan.

Kilang Perusahaan Kasut Kosan didirikan di-Pantai Manis, Papar, yang mengeluarkan kasut getah dan kasut kanvas. Selain daripada pengeluaran untuk pasaran tempatan, kasut-kasut ini juga ditempah oleh Yayasan Sabah untuk diedarkan kepada murid-murid sekolah di Sabah.

Perusahaan Pakaian KOSAN pula didirikan di dua buah tempat iaitu di Labuan (sekarang Wilayah Persekutuan Labuan) dan di Tuaran. Kilang-Kilang ini mengeluarkan pakaian seragam sekolah untuk murid-murid sekolah rendah dan sekolah menengah.

Projek-Projek lain yang dilaksanakan oleh KOSAN termasuklah dalam lapangan percetakan dimana ditubuhkan Syarikat Percetakan Kinabalu Sdn. Bhd. yang mengendalikan percetakan suratkhabar, kad serta majalah.

Di Wilayah Persekutuan Labuan terdapat juga perusahaan memproses batu permata yang dibuat oleh Universal Gems Centre Sdn. Bhd. Pusat batu permata ini mendapatkan bekalan batu permata yang kasar dari luar negeri yang kemudiannya diproses semula oleh pekerja tempatan untuk pasaran.

KOSAN juga mempunyai kilang memproses bahan makanan seperti serbuk kopi dan gula-gula. Perusahaan ini dijalankan oleh Syarikat Banlok Sdn. Bhd. di Kapayan, Kota Kinabalu. Ia mengeluarkan serbuk kopi atas tiga lambang iaitu Swan, 333 dan Ayam Sabong, sementara gula-gula pula atas nama Hello,Darling dan KOSAN Sayang.

Selain daripada itu, KOSAN juga mempunyai sebuah restoran iaitu Restoran Sabah di Kompleks Sinsuran, Kota Kinabalu.

Apa yang penting daripada penerangan ini adalah bahawa projek-projek yang dijalankan itu telah menyediakan peluang-peluang pekerjaan terutamanya untuk para belia. Belia-Belia yang diambil sebagai pekerja berkesempatan untuk mengasah bakat sambil memperolehi kemahiran dalam bidang-bidang yang berkenaan. Hal ini seterusnya melambangkan satu kejayaan kepada SANYA yang telah menubuhkan KOSAN.

Malah, <u>commitment</u> SANYA dalam menjaga kebajikan golongan belia dan masyarakat seluruhnya telah terbukti sejurus sahaja KOSAN ditubuhkan.

Pada peringkat awalnya, KOSAN telah mewujudkan beberapa buah agensi pekerjaan sementara (Temporary Employment Relief Agencies) seperti Unit Pembersihan Pejabat dan Unit Memotong Rumput. Unit-Unit ini beroperasi di Ibu Pejabat KOSAN. Mereka yang terlibat dalam kerja-kerja ini

dibayar oleh KOSAN dengan kadar M$2.00 sehari. Jika ada pelanggan luar yang meminta perkhidmatan unit-unit ini, kadar bayarannya pula adalah sebanyak M$5.00 sehari.

Adanya unit-unit ini lebih merupakan satu projek sosial yang tidak mengambil kira soal mencari keuntungan. Apa yang lebih penting sebagaimana menurut En. Vincent Shia (Timbalan Presiden II SANYA) yang menjelaskan bahawa projek-projek ini juga bertujuan " ...to get the youth off the street". Maksudnya dengan adanya unit-unit seperti ini, sekurang-kurangnya sebilangan para belia tidak akan terbiar begitu sahaja.

Di samping itu, melalui KOSAN juga diwujudkan industri kampung (cottage industry) yang dijalankan di-Tambunan dan Menumbuk. Di sini para belia dibimbing untuk menggunakan bahan-bahan tempatan seperti rotan, buluh dan pokok kelapa untuk diproses menjadi bakul, berus, penyapu dan lain-lain jenis barang.

Apa yang jelas di sini adalah bahawa KOSAN juga berfungsi sebagai 'tempat berteduh' yang sementara bagi para belia di Sabah khususnya, dimana sementara mencari dan mendapatkan pekerjaan yang lebih tetap, mereka boleh bekerja dahulu dengan KOSAN.

Di dalam menyumbangkan perkhidmatan untuk masyarakat, KOSAN pernah mengimpot lembu dari Australia dan menjualkannya kepada penjual-penjual daging serta menjual terus kepada para pelanggan di bawah harga subsidi kerajaan.

Projek ini telah dihentikan setelah wujudnya agensi-agensi kerajaan seperti Agensi Pemasaran Sabah (SAMA) dan Koperasi Pembangunan Desa (KPD).

Kosan juga pernah menjadi agen pengedar minyak tanah ke kawasan luar bandar. Minyak tanah ini dibeli terutamanya daripada Syarikat Shell dan dijual semula di-kampung-kampung melalui wakil-wakil penjual yang dilantik.

Tujuan KOSAN menjadi agen minyak tanah ini ada-lah untuk menolong penduduk luar bandar daripada dieks-ploitasikan oleh sekumpulan orang yang menjual minyak tanah itu dengan harga pasar gelap (black market price) yang amat tinggi. Misalnya pada tahun 1979 di Nabawan, harga pasar gelap untuk segelen minyak tanah adalah M$7.00 sedangkan harga kawalan kerajaan adalah hanya M$0.80 segelen.(Ini merupakan satu penipuan yang me-lampau). Menyedari hakikat ini, KOSAN telah menjual minyak tanah kepada orang-orang kampung dengar harga M$ 1.40 segelen. KOSAN menjual dengan harga yang lebih sedikit daripada harga kawalan kerajaan setelah menolak kos pengangkutan masuk ke kawasan kampung-kampung yang berkenaan. Projek minyak tanah KOSAN ini juga telah di-tamatkan setelah masuknya PETRONAS yang mengambilalih tempat sebagai pembekal utama minyak tanah ke kampung-kampung di Sabah.

Daripada huraian tadi, dapat dinyatakan sumbangan besar SANYA melalui KOSAN iaitu selain daripada membuka peluang-peluang pekerjaan kepada golongan belia, ia juga telah memperkenalkan para belia kepada asas-asas teknologi yang baru seperti dalam pembuatan kasut, teknik penyediaan makanan (cattering techniques), di samping dapat mengasah kemahiran para belia yang terlibat dalam perusahaan perabot dan perusahaan batu permata.

Untuk menarik lebih ramai penyertaan belia dikawasan luar bandar, dan sekurang-kurangnya dapat melibatkan mereka ini di dalam kegiatan yang berfaedah, disyorkan di sini agar SANYA (melalui KOSAN) mewujudkan lebih banyak lagi pusat-pusat industri kampung memandangkan terdapatnya sumber-sumber tempatan yang banyak di negeri ini. Mungkin industri kampung ini dapat memberi kerjasama dari SAMA (Agensi Pemasaran Sabah) dalam aspek pemasaran. Peranan atau bantuan kerajaan di sini adalah penting. Menurut Encik Vincent Shia, semua pencapaian SANYA melalui KOSAN ini adalah dimungkinkan dengan adanya sokongan dan bantuan daripada kerajaan terutama sekali dalam hal kewangan.

Maka dapat juga dinyatakan di sini bahawa SANYA melalui KOSAN telah membantu golongan belia dalam ertikata KOSAN telah menyediakan satu dasar organisasi perniagaan di mana belia-belia Sabah dapat mengembil bahagian yang aktif dalam pembangunan sosio-ekonomi negeri Sabah. Di samping itu juga, ia menggalakkan para belia

untuk melabur dan memiliki saham-saham persendirian dalam koperasi ini.

Sumbangan SANYA juga dapat dilihat dari segi usahanya untuk menggerakkan para belia supaya terlibat sama dan memberikan sokongan kepada proses pembangunan yang telah, sedang dan akan dilaksanakan oleh pehak kerajaan. Menurut Encik Suhaili Riman (Setiausaha Kerja SANYA, sehingga awal Julai 1984), SANYA sedang berusaha untuk menukarkan sikap pasif golongan belia terhadap pembangunan dan pembaharuan kepada sikap yang lebih positif. Ini memerlukan suatu revolusi mental di kalangan para belia terutama sekali mereka yang tinggal di kawasan luar bandar/pendalaman untuk mengikis tanggapan negatif bahawa permodenan itu bertentangan dengan nilai-nilai tertentu seperti tradisi dan kepercayaan.

Dalam hal ini SANYA memainkan peranannya dengan memberikan peluang kepada sebahagian daripada ahli-ahlinya untuk menyertai di dalam berbagai kursus, seminar, bengkel atau khemah kerja sama ada di dalam atau di luar negeri. Tumpuan yang utama diberi kepada kursus-kursus kesedaran dan kepimpinan yang menekankan soal tanggungjawab serta kesedaran sivik. Jadual-Jadual B, C dan D merujuk kepada kursus-kursus berkenaan yang telah disertai oleh wakil-wakil SANYA di sepanjang tahun 1977 hingga 1983.

JADUAL B

| TARIKH | AKTIVITI |
|---|---|
| 1977 | |
| 1) Apr. 24-30 | - Seminar "Youth Development Through Involvement", anjuran MBM dan AYC, di Hong Kong. |
| 2) Jun 2-10 | - Kursus Latihan Asas Rohaniah dan Islamiah, anjuran Institut Dakwah dan Latihan Islam JPM dengan KKBS. |
| 3) Jun 11-12 | - Seminar Perancangan Keluarga, Kota Kinabalu. |
| 1978 | |
| 4) Mac 3-7 | - Bengkel Pekerja Muda MBM di Pulau Pinang. |
| 5) Julai 21-28 | - Kursus Pengurusan di Kota Kinabalu. |
| 6) Okt. 22-28 | - 5th Asian Youth Forum For International Cooperation and Rural Community Development, di Jawa Tengah, Indonesia. |
| 7) Nov. 11-18 | - Seminar Serantau "New International Economic Order", anjuran AYC di Kuala Lumpur. |
| 1979 | |
| 8) Feb. 6-19 | - Latihan Kepimpinan Kebangsaan - anjuran MBM. |
| 9) Feb. 3-25 | - Kursus "Dasar Luar Negara Malaysia" - anjuran MBM dengan KKBS dan Kementerian Luar Negeri. |
| 10) Mei 17-22 | - Kursus Jualan Makanan - anjuran KKBS. |

Sumber: Buku Penyata Tahunan SANYA 1977 - 1979

JADUAL C

| | TARIKH | AKTIVITI |
|---|---|---|
| | 1980 | |
| 1) | Mei 9-15 | - Progrem Khemah Kerja - anjuran KKBS di-Pantai Lok Kawi. |
| 2) | Jun 8-12 | - Regional Seminar on "Youth and Non-Formal Education" dan "Advanced Youth Leadership Training Workshop", di Kuala Lumpur,anjuran AYC. |
| 3) | Jun 13-25 | - 6th Advanced Youth Leadership Training Workshop, di Singapore. |
| 4) | Ogos 22-27 | - Seminar Belia dan Pendidikan - anjuran MBM di Universiti Malaya. |
| 5) | Sept. 2-9 | - Kursus Kepimpinan SANYA peringkat negeri di Menggatal. |
| | 1981 | |
| 6) | Mei 9-15 | - Khemah Kerja, anjuran KKBS di Ketiau, Putatan, Kota Kinabalu. |
| 7) | Okt.15-20 | - Bengkel Kepimpinan Wanita di K.L. International Hotel. |

Sumber: Buku Penyata Tahunan SANYA 1979 - 1981.

University of Malaya

JADUAL D

| TARIKH | AKTIVITI |
| --- | --- |
| 1983 | |
| 1) Mei 21-22 | - Seminar Peranan Belia Dalam Pembangunan Negara, di Kapayan, Kota Kinabalu - anjuran SANYA. |
| 2) | - Malam Seri Budaya dan Belia SANYA, (Pementasan di Tuaran, Tamparuli, Menggatal, Penampang, Papar, Beaufort, Keringau dan Tenom). |
| 3) Okt.22-29 | - Kursus Asas Kewartawanan - anjuran SANYA di Kota Kinabalu. |

Sumber: Buku Penyata Tahunan SANYA 1982 - 1983.

University of Malaya

Aktiviti-Aktiviti yang disenaraikan di dalam jadual-jadual ini merupakan sebahagian daripada kegiatan SANYA. Aktiviti-aktiviti lainnya lebih merupakan aktiviti persatuan dan aktiviti kebajikan sosial. Namun aktiviti yang disenaraikan itu mempunyai signifikasi yang besar di-dalam usaha untuk melahirkan golongan belia yang lebih berguna kepada masyarakat dan negara.

Kursus, seminar, bengkel dan khemah kerja yang dianjurkan ini dapat menambah dan meluaskan lagi pengetahuan dan pandangan pesertanya. Misalnya kursus kepimpinan me-dedahkan kepada pesertanya perkara-perkara yang penting untuk menjadi seorang pemimpin yang berkesan di samping menambahkan keyakinan terhadap kebolehan diri sendiri. Kalaupun usaha ini tidak akan menonjolkan bakal-bakal pe-mimpin negeri atau negara tetapi sekurang-kurangnya dalam konteks SANYA ia akan dapat melahirkan tokoh-tokoh pemim-pin untuk dicontohi oleh ahli-ahli SANYA.

Dalam perkara ini, sememangnyalah tidak mungkin bagi kesemua ahli SANYA dapat dihantar untuk menyertai kursus-kursus berkenaan. Dengan ini para peserta yang di-pilih adalah terdiri daripada pemimpin-pemimpin cawangan dan mereka yang aktif dalam pergerakan SANYA. Setelah tamat berkursus, mereka inilah yang diharapkan untuk me-nyampaikan pula pengetahuan yang diperolehi kepada anak-anak buah masing-masing.

Di sini juga dicadangkan agar pihak SANYA akan menganjurkan lebih kerap lagi kursus kepimpinan dan kursus

sivik dengan melibatkan lebih ramai ahli-ahli biasa SANYA. Sokongan dan kerjasama daripada ahli-ahli biasa yang merupakan majoriti sangatlah penting untuk menghidupkan serta menjayakan matlamat-matlamat SANYA. Lantaran itu secara berperingkat-peringkat, kumpulan mereka ini hendaklah didedahkan kepada "formalities" dalam berpersatuan seperti dalam aspek kepimpinan dan aspek peranan serta tanggungjawab.

Di dalam menjaga kepentingan ahli-ahlinya, SANYA hendaklah membuat progrem jangkapanjang dengan menyertai ataupun menganjurkan aktiviti-aktiviti yang dapat membantu ahlinya untuk berdikari terutama dalam soal mencari pendapatan hidup. Aktiviti-aktiviti yang pernah dijalankan seperti Bengkel Pekerja Muda, Kursus Jualan Makanan, Kursus Pengurusan dan Kursus Asas Kewartawanan barangkali dapat dijadikan aktiviti asas ataupun aktiviti sepanjang tahun SANYA. Melalui kursus Asas Kewartawanan misalnya dapat mencapai hasil serampang dua mata seperti menurut En. Suhaili Riman bahawa di samping menyungkil bakat-bakat baru dalam bidang penulisan, kursus ini juga adalah untuk membimbing mereka yang benar-benar berminat untuk menjadikan bidang kewartawanan sebagai profession mereka.

Adalah juga dirasakan penting bagi pihak SANYA menentukan bahawa kursus-kursus yang dianjurkan itu adalah kursus-kursus yang bersepadu, yang meliputi bidang-bidang sosial, ekonomi dan politik. Kursus-kursus yang bersepadu adalah lebih bermanafaat dari segi dapat memberi-

kan pengetahuan yang lebih menyeluruh kepada para pesertanya disamping menjimatkan masa. Misalnya seminar Peranan Belia Dalam Pembangunan Negara yang diadakan di Kota Kinabalu pada 21-22hb. Mei 1983, telah menyentuh skop yang luas di mana penekanan diberikan terhadap pentingnya entiti belia itu dalam masyarakat. Tajuk-tajuk berikut telah dibincangkan dalam seminar itu:-

(i) Peranan Belia Dalam Pembangunan Negara.
(ii) Peranan Belia Dalam Pembangunan Masyarakat.
(iii) Peranan Belia Dalam Konteks Perhubungan Belia dengan Kerajaan.
(iv) Mencegah penyalahgunaan dadah dengan rujukan khas kepada kaum belia.
(v) Kemajuan dan Pembangunan Projek-Projek Belia yang dibiayai oleh Kementerian Belia dan Sukan Negeri.

Rangka kursus seperti inilah yang seharusnya diutamakan dan kursus-kursus susulan hendaklah dianjurkan dari masa ke semasa dengan melibatkan lebih ramai peserta. Para belia haruslah diingatkan tentang peranan mereka disamping untuk menimbulkan kesedaran agar golongan ini akan sentiasa peka kepada keadaan yang berlaku di sekeliling mereka.

Seterusnya secara tidak langsung, sumbangan SANYA dapat dilihat dalam usaha ke arah mempercepatkan lagi perpaduan nasional dikalangan rakyat Malaysia. Ini dapat dicapai melalui progrem pertukaran lawatan di antara belia Semenanjung Malaysia dengan belia di Sabah. Jarak yang

jauh dari Laut Cina Selatan sememangnya satu halangan pemisah dalam perhubungan antara rakyat Malaysia di Semenanjung dengan rakyat di Sabah dan Sarawak.

Dalam hal ini, progrem pertukaran lawatan belia berfungsi untuk memberikan "first hand informations" dikalangan para peserta mengenai keadaan dan cara hidup masyarakat ditempat-tempat yang dilawati.

Pemahaman secara 'bilateral' ini sangatlah penting untuk menjalin pandangan dan pemikiran yang lebih nasional dan sekata di kalangan rakyat Malaysia serta untuk mengikis rasa curiga-mencurigai di antara sesama sendiri. Hakikat ini merupakan satu masalah yang mesti diselesaikan segera. Adalah suatu kenyataan bahawa terdapat segelintir rakyat Sabah yang kurang menyenangi kehadiran orang Semenanjung terutamanya yang diberikan jawatan-jawatan penting di Sabah. Kita tidak menyebelahi mana-mana pihak dalam persoalan ini. Sewajarnya sesiapa sahaja yang memegang jawatan penting mempunyai kuasa untuk menentukan agar segala tugas berjalan dengan lancar. Tetapi hal ini kerap menimbulkan salah faham terutamanya di kalangan kakitangan bawahan. Maksudnya mestilah ada kompromi antara kedua belah pihak dalam tindakan masing-masing dan adalah penting bagi pihak yang berkuasa itu untuk pandai mengimplimentasikannya.

Maka di sinilah diharapkan agar rancangan pertukaran belia dapat memberikan pengetahuan dan pengelaman

dari aspek cara hidup, sikap dan mentaliti di antara rakyat Malaysia di Semenanjung dengan rakyat di Sabah/Sarawak. Dalam konteks ini juga, ahli-ahli SANYA yang menjadi ahli jawatankuasa MBM dapat memainkan peranan dengan memberikan penerangan tentang keadaan di Sabah daripada masa ke-semasa.

4.2 Khidmat Kemasyarakatan

Bagi SANYA, khidmat kemasyarakat ini adalah untuk kepentingan masyarakat seluruhnya. Khidmat masyarakat ini, disamping untuk mengeratkan lagi kerjasama SANYA dengan orang ramai, ianya juga adalah sebagai satu cara untuk memperkenalkan SANYA kepada masyarakat. Ini juga dapat menarik minat orang ramai untuk menyertai SANYA. Barangkali ini berbunyi agak idealistik, namun bersesuaian dengan aspirasi SANYA sendiri untuk memberikan khidmat kebajikan kepada masyarakat, maka sememangnya identifikasi SANYA dengan masyarakat adalah sangat penting.

Kegiatan-kegiatan kemasyarakatan yang selalunya diadakan ialah projek gotong royong, pementasan kebudayaan dan majlis perjumpaan muhibah. Ahli-ahli SANYA sering juga melakukan projek menderma darah dari masa ke semasa.

Projek gotong royong ini meliputi kerja-kerja seperti membersihkan kawasan perkuburan, membina atau memperbaiki jalanraya atau jambatan masuk ke kampung dan lain-lainnya. Projek gotong royong seperti ini mempunyai signifikasi dalam ertikata ianya memupuk semangat berdikari

di kalangan masyarakat tanpa harus menantikan bantuan atau tindakan pihak kerajaan untuk melaksanakan sesuatu projek kecil seperti memperbaiki jambatan yang rosak. Daripada satu sudut yang lain, ini akan dapat mengurangkan beban agensi kerajaan seperti Jabatan Kerja Raya disamping ianya dapat menolong menjimatkan kos perbelanjaan negeri. Sekiranya masyarakat terutamanya yang di luar bandar mempunyai inisiatif berdikari yang kuat untuk melaksanakan projek-projek kecil seperti mendirikan balairaya atau surau, pihak kerajaan hanyalah perlu memberikan bantuan dari segi material sahaja. Di sinilah badan-badan sukarela seperti SANYA dapat mengambil bahagian dengan menggerakkan ahli-ahli mereka untuk turut serta menjayakan sesuatu projek yang diadakan.

Sumbangan SANYA juga meliputi aspek kebudayaan, melalui pementasan-pementasan kebudayaan yang diadakan. Pementasan tarian, nyanyian dan adat-adat tradisi ini dilakukan oleh ahli-ahli SANYA sendiri dan selalunya dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan Negeri Sabah. Ini merupakan satu usaha SANYA untuk memupuk rasa cintakan budaya tradisi dikalangan masyarakat umumnya.

Aktiviti pementasan kebudayaan ini juga diadakan untuk kepentingan ahli-ahli SANYA khususnya. Misalnya SANYA telah menganjurkan satu siri pementasan kebudayaan di lapan buah daerah pada pertengahan 1983. Di samping mengadakan pementasan ini, ianya juga memberi peluang

kepada ahli-ahli SANYA peringkat daerah dan cawangan untuk bertemu serta mengadakan dialog dengan ahli-ahli Majlis Tertinggi SANYA yang turut serta dalam rombongan itu.

Di peringkat nasional, SANYA berperanan sebagai anggota MBM. SANYA juga memberikan sumbangan kepada Tabung Bencana Alam dari masa ke semasa. Seterusnya demi kebajikan belia seluruh negara, SANYA telah menyumbangkan sejumlah M$10,000.00 untuk penubuhan Yayasan Belia Negara.

Selain daripada itu, SANYA juga bergiat cergas dalam usaha untuk mengawal gejala penyalah gunaan dadah. Seperti yang dimaklumi, golongan belialah yang paling terdedah dan yang paling ramai terlibat dalam masalah dadah. Sekiranya genarasi muda ini dipengaruhi oleh dadah, kita dapat membayangkan kesan-kesan negatif yang akan wujud. Genarasi muda akan lemah, masalah sosial akan bertambah dan perkara yang lebih penting ialah ancaman terhadap ketahanan negara. Generasi muda yang lemah akan turut melemahkan ketahanan negara oleh sebab unsur-unsur subversif mempunyai kesempatan untuk mempengaruhi golongan muda ini terutamanya. Golongan ini menjadi tumpuan oleh kerana mereka merupakan benteng utama dalam ketahanan negara.

Maka dalam hal ini, SANYA turut memberi sumbangan dengan menganjurkan ceramah-ceramah yang bertumpu kepada bahaya penyalah gunaan dadah, dari masa ke semasa. SANYA adalah merupakan ahli kepada PEMADAM cawangan Sabah.

Ternyata bahawa sejak 18 tahun SANYA bergerak sebagai sebuah pergerakan belia, ia telah dapat menunjukkan

suatu pencapaian yang membanggakan. Ini dimanifestasikan oleh penglibatan SANYA dalam dunia perniagaan secara besar-besaran dengan penubuhan KOSAN. Malah dapat dikatakan bahawa SANYA adalah satu saluran perantaraan yang penting diantara rakyat dengan kerajaan. Maka seharusnyalah kerajaan memberikan perhatian yang utama terhadap SANYA oleh kerana sebagai pergerakan belia yang terbesar di-Sabah, SANYA juga mencerminkan kehendak dan aspirasi rakyat secara amnya.

4.3 <u>Politik Kepartian dan SANYA</u>

Dalam setiap organisasi, salah satu faktor yang penting untuk menentukan berkesan atau tidaknya sesebuah organisasi tersebut adalah faktor kepimpinan.

Kepimpinan melibatkan individu-individu tertentu dan hal ini berhubung rapat dengan soal kuasa, peranan dan tanggungjawab. Maka individu-individu yang menjadi pemimpin mempunyai obligasi untuk menggerakkan dan membimbing orang-orang dibawahnya ke arah satu-satu matlamat yang telah ditetapkan sehingga matlamat itu tercapai.

Apa yang penting dalam konteks kepimpinan ini adalah bahawa seseorang pemimpin itu mempunyai potnesi untuk mengawal dan mempengaruhi orang lain untuk menerima ataupun menyokong sesuatu dasar yang hendak dilaksanakan. Potensi ini juga dapat dieksploitasikan oleh para pemimpin untuk kepentingan mereka sendiri atau kepentingan-

kepentingan lain seperti kepentingan politik dan sebagainya.

Menyentuh tentang kepimpinan dalam organisasi SANYA, apa yang jelas sejak SANYA ditubuhkan sehingga 1976 (kajian Sukarti Wakiman) dan seterusnya hingga kehari ini, adalah bahawa terdapatnya tokoh-tokoh politik yang bergiat dalam persatuan sukarela ini.

Tokoh-tokoh politik ini pula memegang jawatan-jawatan utama ataupun setidak-tidaknya menjadi ahli jawatankuasa Majlis Tertinggi SANYA. Hal ini ketara sekali dimanifestasikan apabila kita meneliti tokoh-tokoh yang memegang jawatan sebagai Yang DiPertua atau Presiden SANYA sejak ianya ditubuhkan (1968) sehingga sekarang ini (1984).

Tokoh-tokoh yang pernah menjadi Yang DiPertua/ Presiden SANYA iaitu Tun Datu Haji Mustapha bin Datu Harun (1968-1969, 1971-1975), YAB Datuk Harris Salleh (1976-1977, 1978-1979, 1980-1981), Datuk Haji Abd. Majid Khan (1982-1983) dan Presiden SANYA sekarang ini, YB Mohd. Yusof Haji Yakob (1984-1985) adalah antara tokoh-tokoh yang penting dalam politik Sabah.

Di sini bukannya penulis hendak mempersoalkan tentang boleh tidaknya seseorang tokoh politik itu melibatkan diri dengan sesebuah organisasi sukarela seperti SANYA. Dalam konteks SANYA, sesiapa sahaja yang memenuhi syarat-syarat tertentu adalah layak untuk menjadi ahlinya. Namun demikian, penglibatan tokoh-tokoh politik

yang memegang jawatan-jawatan penting dalam SANYA ini tidak dapat tidak membawa implikasi bahawa SANYA adalah tidak bebas daripada pengaruh politik. Hal ini merupakan satu kontradiksi kepada dasar SANYA bahawa politik dan SANYA mestilah dipisahkan.

Malahan kalau diteliti, perkembangan SANYA dapat dibahagikan kepada dua era iaitu era kerajaan USNO sejak 1968 hingga 1975 dan era kerajaan BERJAYA sejak 1976 hingga sekarang ini.

Di bawah kerajaan USNO, SANYA telah dipimpin oleh bekas Yang DiPertua Negara dan bekas Ketua Menteri Sabah, Tun Datu Haji Mustapha bin Datu Harun. Antara tokoh politik yang terkemuka yang bergiat dalam SANYA semasa era USNO itu ialah Datuk Haji Dzulkifli Abdul Hamid, bekas Timbalan Menteri Pertahanan Malaysia, Datuk Harris Salleh, YB Habib Abd. Rahman,YB Ampong Puyon dan Allahyarham Datuk Salleh Sulong.

Apabila kerajaan USNO jatuh pada pertengahan 1976, kepimpinan SANYA turut mengalami perubahan dimana pucuk pimpinan SANYA telah diambilalih oleh tokoh-tokoh parti BERJAYA. Misalnya dari 1976 hingga 1981, jawatan Presidan SANYA telah disandang oleh YAB Datuk Harris salleh yang merupakan salah seorang daripada pengasas utama parti BERJAYA dan menjadi Ketua Menteri Sabah sehingga kini. Lain-lain tokoh politik parti BERJAYA yang terkemuka dan bergiat dalam SANYA ialah Datuk Haji Mohd. Noor Mansoor, Menteri Kewangan Sabah, Datuk Pengeran Othman Rauf

(bekas Menteri Wilayah Persekutuan), Datuk Joseph Pairin Kitingan, Datuk Haji Abd. Majid Khan, YB Haji Yahya Lampong, Datuk Lim Guan Sing, YB Baharom Datuk Haji Abu Bakar Titingan dan juga YB Mohd. Yusof Hj. Yakob (Presiden SANYA sessi 1983 - 1984), YB Mohd. Yusof Hj. Yakob, selain daripada menjadi ahli Parlimen kawasan Hilir Padas, beliau juga adalah setiausaha eksekutif bagi Parti BERJAYA. Maka adalah sukar untuk menafikan bahawa SANYA tidak dipengaruhi oleh politik lebih-lebih lagi apabila melihat kedudukan beberapa tokoh berkenaan yang juga menduduki kerusi kabinet menteri Sabah seperti Datuk Harris Salleh dan Datuk Haji Mohd. Noor Mansoor.

Adalah suatu kenyataan bahawa pada dasar dan prinsipnya, SANYA bukanlah sebuah pertubuhan politik. Namun hakikat SANYA sebagai sebuah gerakan sosial dengan aspirasi untuk membawa masyarakat seluruhnya kepada suatu masa depan yang lebih baik, maka adalah juga merupakan suatu matlamat yang tersirat bagi SANYA untuk melahirkan tokoh-tokoh sebagai pemimpin demi kepentingan persatuan dan juga negara.

Dari segi ini penglibatan tokoh-tokoh politik dalam organisasi SANYA dapat dinilaikan sebagai suatu sumbangan kepada pergerakan belia khasnya di Sabah. Ini dalam ertikata di mana tokoh-tokoh politik itu dapat menggunakan pengaruh dan kedudukan mereka untuk mendapatkan perhatian, sokongan serta bantuan kerajaan dalam merencanakan projek-projek untuk kepentingan belia khasnya

dan masyarakat seluruhnya. Walaupun kesannya adalah bahawa SANYA kelihatan lebih condong kepada dasar-dasar pemerintah, namun hal ini seharusnya ditinjau secara lebih terbuka dan rasional. Adalah menjadi suatu obligasi pada pihak kerajaan untuk menjaga kebajikan dan kepentingan rakyat seluruhnya.

Maka kehadiran tokoh-tokoh kerajaan dalam SANYA merupakan suatu cara yang tidak langsung di mana pihak kerajaan dapat memberikan perhatian kepada rakyat yang majoritinya adalah golongan belia. Hal ini dimanifestasikan dengan adanya hubungan dan kerjasama yang rapat diantara SANYA dengan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan negeri Sabah.

Maka adalah nyata bahawa kepimpinan tertinggi SANYA mempunyai kuasa dan pengaruh yang kuat. Seperti yang telah diterangkan, hal ini dari satu segi dapat menjamin bahawa kebajikan golongan belia akan sentiasa mendapat perhatian daripada pihak kerajaan. Namun ini bukanlah menunjukkan bahawa SANYA adalah terlalu bergantong kepada pihak kerajaan. Sebenarnya SANYA mampu bergerak bersendirian dan mampu juga untuk bertindak sebagai "pressure group" terhadap kerajaan. Inilah yang diharapkan daripada SANYA.

Perkembangan akhir-akhir ini menunjukkan bahawa tokoh-tokoh yang menjadi pemimpin-pemimpin SANYA adalah mereka yang berwibawa dan mendapat pelajaran peringkat tinggi. Contohnya Majlis Tertinggi SANYA 1984 - 1985 ter-

diri daripada seorang ahli Parlimen, seorang ahli dewan negeri, empat orang peguam dan seterusnya pegawai-pegawai kanan kerajaan. Merekalah yang diharapkan untuk menggerakkan SANYA dan membentuknya sebagai suatu pengkritik sosial dan agen perubahan yang efektif khasnya dalam konteks pembangunan sosio-ekonomi negeri Sabah.

University of Malaya

## BAB V

## RUMUSAN

### 5.1 SANYA Sebagai sebuah persatuan sukarela, persatuan belia dan juga sebagai suatu pergerakan sosial.

Ketiga-tiga konsep persatuan sukarela, persatuan belia dan pergerakan sosial memang terdapat dalam organisasi SANYA. Telah dijelaskan bahawa dalam konteks Malaysia, ada undang-undang yang mewajibkan pendaftaran semua persatuan dan pertubuhan di bawah Akta Pertubuhan. Maka proses perundangan ini menjadikan persatuan sukarela seperti SANYA dapat menjalankan kegiatan-kegiatannya secara resmi. Walaupun secara idealnya persatuan sukarela adalah bebas daripada kawalan kerajaan (state) tetapi sedikit sebanyak pengaruh aspek perundangan dan campurtangan kerajaan tetap ada dalam keadaan masyarakat dunia kini.

Penubuhan SANYA adalah berhubungrapat dengan usaha untuk menyatupadukan golongan belia negeri Sabah yang pada mulanya lebih terkelompok mengikut dasar perkauman. Terdapat tiga buah pertubuhan belia yang mewakili tiga kumpulan etnik terbesar di Sabah sebelum SANYA ditubuhkan iaitu Sabah Association of Young Chinese yang dianggotai oleh belia Cina; Pertubuhan Belia Kadazan; dan Pertubuhan Belia Gaya Baru yang mewakili kepentingan

golongan belia Melayu*. Maka penggabungan ketiga-tiga pertubuhan belia ini adalah untuk memupuk rasa muhibah sambil menghindari sentimen perkauman di kalangan rakyat Sabah pada keseluruhannya. Adanya penyesuaian serta persefahaman di kalangan para belia dari berbilang suku kaum ini adalah penting untuk menjamin perpaduan dan keamanan. Oleh kerana kepimpinan masa hadapan adalah bergantung kepada generasi belia sekarang, maka apa yang diperlukan adalah belia-belia yang berpandangan jauh dan yang mampu membuat pertimbangan serta keputusan dengan rasional.

Penyatuan para belia Sabah di bawah sebuah pertubuhan iaitu SANYA, secara kolektifnya dapat mewujudkan satu gerakan belia yang besar dan kuat pengaruhnya. Dalam soal-soal pemutusan dasar-dasar yang, melibatkan orang ramai umpamanya, SANYA bertindak sebagai "conscience" masyarakat dalam memberikan pandangan sama ada sesebuah dasar itu mendatangkan manafaat atau tidak kepada rakyat seluruhnya. Maksudnya secara tidak langsung SANYA berfungsi untuk membolehkan penyertaan rakyat dalam soal penentuan dasar-dasar kerajaan.

Seterusnya sebagai sebuah gerakan sosial, SANYA berusaha untuk membawa perubahan dalam masyarakat

---

* [Konsep Melayu dalam konteks ini meliputi beberapa kumpulan suku yang terdapat di Sabah seperti Melayu Brunei, Bajau, Suluk, Kedayan dan Bisaya.]

University of Malaya

terutamanya untuk mengubah nasib golongan belia. Hal ini ditujukan khasnya terhadap golongan belia yang kurang terdedah kepada proses pembangunan iaitu mereka yang tinggal di kawasan-kawasan luar bandar serta juga terhadap para belia yang menganggur dan keciciran persekolahan. Maka SANYA berusaha memberikan alternatif-alternatif lain supaya para belia ini dapat mengisikan masa mereka dengan kegiatan-kegiatan yang berfaedah seperti melibatkan diri dalam perusahaan kampung atau kraftangan. Peluang-peluang dibuka kepada para belia yang berminat dari masa kesemasa untuk mengikuti bengkel-bengkel latihan kemahiran yang dianjurkan oleh SANYA.

5.2 Peranan SANYA dalam proses pembangunan negeri Sabah.

Golongan belia merupakan tenaga terpenting yang diperlukan untuk menjamin perkembangan dan pembangunan sosio-ekonomi sesebuah negara. Ini adalah kerana rata-ratanya golongan belialah yang mempunyai tenaga fizikal yang lebih kuat untuk tujuan pembangunan infrastruktur seperti membina bangunan-bangunan tinggi ataupun mengerjakan ladang tanaman yang luas. Malah dapat dikatakan bahawa berkesannya proses pembangunan adalah dengan adanya penglibatan golongan belia.

Di Malaysia, projek-projek pembangunan terutamanya yang diadakan di kawasan luar bandar amat memerlukan penglibatan golongan belia. Lantaran itu Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan telah ditubuhkan pada tahun 1964 disamping penubuhan pusat-pusat latihan belia misalnya di Dusun Tua dan di Pertak. Kementerian dan pusat-pusat latihan belia ini ditubuhkan dengan tujuan untuk mewujudkan persefahaman dan kerjasama diantara pihak belia dengan kerajaan.

Dalam konteks pembangunan sosio-ekonomi negeri Sabah, peranan SANYA dapat dilihat melalui salah satu daripada matlamatnya iaitu untuk mengambil bahagian dalam apa jua projek yang dapat memberi faedah kepada negeri Sabah, ahli-ahli SANYA dan kepada organisasi SANYA sendiri. Perkara ini dimanifestasikan oleh aktiviti-aktiviti asas yang telah dijalankan oleh SANYA selama ini. Projek-projek khidmat kemasyarakatan seperti gotong royong adalah bertujuan untuk mengeratkan lagi integrasi antara kaum disamping untuk memupuk sikap berdikari dan semangat kejiranan di kalangan anggota masyarakat. Sikap berdikari dan tidak terlalu bergantung kepada bantuan kerajaan seperti dalam melaksanakan projek-projek kecil misalnya membina jambatan sebenarnya dapat membantu mengurangkan kos perbelanjaan kerajaan. Wang yang dijimatkan itu dapat pula diputarkan untuk membiayai projek-projek yang lebih utama seperti memasukkan bekalan kuasa

University of Malaya

letrik dan paip air terutamanya ke kawasan-kawasan luar bandar. Projek-projek gotong royong ini sentiasa dianjur oleh SANYA melalui cawangan-cawangannya dari masa ke semasa.

SANYA juga berusaha untuk membentuk masyarakat belia yang berdisiplin dan bertanggungjawab. Untuk tujuan ini, SANYA kerap menganjurkan kursus-kursus kepimpinan, seminar-seminar dan juga majlis-majlis dialog untuk mendedahkan serta memberi pengetahuan kepada golongan ini tentang perasaan dan tanggungjawab mereka terhadap kemajuan dan keamanan negeri.

Bagi para belia yang menganggur pula, SANYA berusaha memberikan beberapa alternatif kepada mereka ini. Lantaran itu kursus-kursus seperti latihan kraftangan dan latihan vokesyenal kerap diadakan untuk memberikan kemahiran asas kepada para belia berkenaan. Dengan adanya kemahiran asas ini, dijangkakan mereka akan lebih mudah mendapatkan pekerjaan ataupun mereka boleh membuka perusahaan sendiri walaupun hanya secara kecil-kecilan.

SANYA sering menganjurkan kursus-kursus penternakan dan pertanian, serta kursus urusan rumahtangga bagi kaum wanita. Segala aktiviti-aktiviti ini dijalankan supaya mereka yang mengambil bahagian dapat memperbaiki kehidupan masing-masing dengan mempraktikkan penge-

University of Malaya

tahuan dan pengalaman yang telah dipelajari.

Di samping aktiviti-aktiviti yang dinyatakan di atas, SANYA juga menggalakkan penglibatan ahli-ahlinya dalam bidang kebudayaan sebagai satu usaha untuk memelihara tradisi tempatan. Dalam hal ini SANYA mendapat kerjasama yang sepenuhnya dari Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan Sabah.

Menyentuh tentang aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan oleh SANYA, kedapatan bahawa sejak ianya ditubuhkan (1966) sehingga ke tahun 1976, SANYA hanya dapat melaksanakan aktiviti-aktiviti asas sahaja seperti projek gotong royong, menderma darah, menganjurkan latihan kemahiran/vokesyenal, mengadakan kursus-kursus kepimpinan dan menganjurkan kegiatan kebudayaan. Pada ketika itu SANYA masih belum mampu untuk melaksanakan apa-apa projek yang besar. Ini banyak disebabkan oleh masalah kewangan dan masalah tidak berkesefahaman di kalangan para pemimpin SANYA seperti yang dijelaskan oleh Sukarti Wakiman dalam kajian beliau. Sukarti juga menjelaskan bahawa pada akhir kajiannya, SANYA sedang menjalankan usaha-usaha pemulihan untuk memperbetulkan perjalanan organisasinya. Ini meliputi penyusunan semula rancangan yang hendak dijalankan serta mengemaskinikan pentadbiran.

University of Malaya

Ternyata SANYA mempunyai cita-cita yang tinggi. Tarikh 2hb. Jun, 1976 merupakan tarikh paling bersejarah dalam pergerakan SANYA hingga setakat ini di mana SANYA telah menubuhkan koperasinya iaitu Koperasi Serbaguna SANYA (KOSAN). Maka buat pertama kalinya SANYA melalui KOSAN telah menceburkan diri ke dalam bidang perniagaan secara besar-besaran.

Tertubuhnya KOSAN ini adalah merupakan satu rahmat kepada para belia Sabah terutama mereka yang tidak mempunyai pekerjaan. KOSAN telah membuka tiga buah perusahaan besar iaitu perusahaan pakaian, perusahaan kasut dan perusahaan perabot disamping membuka beberapa buah anak syarikat yang lain. Seperti yang telah dijelaskan dalam Bab IV, matlamat penubuhan KOSAN adalah untuk mendirikan beberapa buah industri yang bersifat intensif-buruh sambil ianya menyediakan peluang-peluang pekerjaan yang lebih banyak memandangkan kadar pengangguran yang tinggi di kalangan belia Sabah pada pertengahan tahun 1970an itu. Maka bukan sahaja SANYA melalui KOSAN telah membantu kerajaan mengurangkan kadar pengangguran ini, malah ia juga membolehkan para belia mengambil bahagian secara aktif dalam proses pembangunan sosio-ekonomi negeri Sabah.

Pembangunan sosio-ekonomi sangat berhubung rapat dengan usaha-usaha kerajaan melakukan proses pemodenan demi kepentingan rakyat dan negara. Namun kadang kala langkah-langkah kerajaan ini disalahanggap sedangkan kejayaan sesuatu usaha kerajaan itu adalah bergantung kepada sambutan rakyat terhadapnya. Dalam hal ini SANYA berusaha menjalankan revolusi mental terutama sekali dikalangan masyarakat di luar bandar yang setengahnya masih berpegang kepada fahaman-fahaman kolot yang merugikan. Lantaran itu majlis-majlis dialog sering diadakan untuk memberikan penerangan tentang usaha-usaha baik kerajaan itu. Hal ini sebenarnya adalah tanggungjawab SANYA yang mahukan golongan belia dan masyarakat seluruhnya mendapat segala faedah daripada usaha-usaha yang dijalankan oleh kerajaan. Maksudnya para belia SANYA adalah tenaga pendorong utama mewujudkan kesedaran di kalangan rakyat Sabah. Di sini juga SANYA berfungsi sebagai media perantaraan antara rakyat dengan pihak kerajaan dan fungsinya ini adalah sangat penting untuk mempercepatkan lagi proses pemodenan dinegeri ini.

Selain daripada itu, SANYA juga memberi perhatian terhadap kegelisahan belia yang mungkin dimanifestasikan melalui penglibatan belia di dalam gejala-gejala sosial seperti penagihan dadah, sikap memberontak dan menjalankan kegiatan-kegiatan anti-sosial yang lainnya. Dalam hal ini, para belia yang menjadi ahli SANYA

diberi galakan untuk membina peribadi masing-masing, untuk menyalurkan tenaga mereka memberi perkhidmatan kepada masyarakat disamping ditegaskan soal disiplin dalam organisasi. Adalah penting bagi ahli-ahli SANYA untuk mempunyai personality yang baik sebelum mereka dapat menjadi cermin untuk masyarakat. Perkara ini haruslah pula didahului oleh para pemimpin SANYA sendiri oleh kerana dalam sesebuah organisasi yang besar seperti SANYA, ketokohan para pemimpin selalunya menjadi contoh teladan kepada ahli-ahli bawahan. Penglibatan SANYA sebagai ahli PEMADAM cawangan Sabah adalah manifestasi matlamat SANYA untuk membentuk para belia yang berguna kepada negara.

Jelasnya SANYA telah dapat memperluaskan bidang kegiatannya daripada aktiviti-aktiviti sosial semata-mata membawa kepada penglibatannya dalam bidang perekonomian. Pencapaian SANYA ini menunjukkan kesungguhan SANYA dalam menjaga kebajikan serta kepentingan para belia khasnya dan seluruh masyarakat amnya.

## 5.3 Perkembangan SANYA selepas 1975.

Adalah menarik untuk ditinjau pencapaian-pencapaian SANYA sejak ianya ditubuhkan 18 tahun yang lalu sehingga sekarang ini berdasarkan kajian yang telah dibuat oleh Sukarti Wakiman (1976) dan kajian lanjutan yang dibuat oleh penulis sendiri (1984).

University of Malaya

Sehingga pertengahan 1976, jumlah cawangan SANYA yang berdaftar adalah sebanyak 163 buah dengan keahlian sejumlah lebih kurang 37 ribu orang. Jumlah keahlian sebanyak ini tidaklah ramai memandangkan sudah hampir 9 tahun SANYA ditubuhkan menjelang 1976. Hal ini mungkin disebabkan pada masa itu masyarakat terutamanya golongan belia masih belum kenal lagi dengan SANYA disamping beberapa masalah yang dihadapi oleh SANYA seperti yang dijelaskan dalam Bab III. Namun jumlah cawangan SANYA ini didapati berkurangan pada awal 1977 dimana rekod menunjukkan hanya tinggal 109 buah cawangan sahaja yang berdaftar.

Berikutan dengan itu, satu langkah serta merta telah diambil untuk menyusun semula sistem fail-fail sekretariat dan rekod-rekod yang ada untuk mengendalikan kerja pendaftaran tiap-tiap cawangan SANYA. Pemimpin-pemimpin Majlis Tertinggi SANYA telah membuat lawatan ke cawangan-cawangan SANYA di seluruh Sabah untuk meniupkan nafas baru kepada cawangan-cawangan berkenaan.

Seterusnya sebuah Jawatankuasa Penubuhan Cawangan Baru telah dibentuk untuk mengelakkan kekeliruan dalam penubuhan cawangan-cawangan baru. Jawatankuasa ini terdiri daripada seorang pengerusi iaitu Datuk Haji Mohd. Noor Mansoor dan dua orang ahli, Encik Vincent Shia dan Encik Roger Dunstan. Hasil daripada usaha ini, pada

menjelang 1979, sejumlah 352 buah cawangan SANYA telah didaftarkan termasuk cawangan-cawangan yang baru ditubuhkan.

Sehingga kajian ini tamat dijalankan, SANYA mempunyai sejumlah 378 buah cawangan yang berdaftar dan dengan lebih daripada 70 ribu orang ahli. Dalam pada itu, SANYA terus menjalankan usaha untuk menarik lebih ramai lagi para belia untuk menganggotai SANYA disamping berusaha untuk menubuhkan cawangan-cawangan baru.

Tahun 1976 memperlihatkan dua perkembangan penting yang berlaku di dalam sejarah pergerakan SANYA. Pertamanya, pergolakan politik di Sabah telah menonjolkan Parti BERJAYA sebagai parti yang diberi mandat dan kepercayaan oleh rakyat untuk mengambilalih tempat Parti USNO sebagai parti yang memerintah negeri Sabah. Apabila BERJAYA berkuasa, kepimpinan SANYA juga bertukar wajah di mana kebanyakan daripada ahli-ahli Majlis Tertinggi SANYA adalah pula terdiri daripada tokoh-tokoh BERJAYA. Sebelum itu kepimpinan tertinggi SANYA adalah didominasi oleh tokoh-tokoh USNO. Keadaan ini menunjukkan bahawa kerajaan yang memerintah mempunyai pengaruh yang kuat ke atas SANYA yang menyebabkan SANYA lebih condong kepada dasar-dasar pemerintah.

Walaubagaimanapun, seperti yang diterangkan dalam Bab IV, penglibatan tokoh-tokoh politik dalam kepimpinan SANYA sebenarnya dapat memberi jaminan bahawa kebajikan golongan belia akan lebih terjaga di mana tokoh-tokoh politik tadi dapat menggunakan kedudukan mereka untuk mendapatkan kemudahan-kemudahan daripada kerajaan untuk kepentingan pergerakan belia Sabah ini.

Perkembangan kedua ialah merupakan pencapaian yang agong bagi SANYA sehingga kini iaitu penubuhan KOSAN. KOSAN telah memberi peluang kepada ramai belia mendapatkan pekerjaan disamping menggalakkan pelaburan saham di kalangan mereka. (sila rujuk huraian dalam Bab IV).

Seterusnya dari temubual pengkaji dengan Encik Suhaili Riman, beliau menyatakan bahawa untuk rancangan masa depan, SANYA mempunyai sasaran untuk menambah bilangan ahlinya kepada angka 100 ribu orang dalam tempoh dua tahun. Penubuhan Badan Penyelaras Daerah adalah juga untuk mencapai matlamat ini. Selain daripada itu, SANYA akan mempertingkatkan lagi kegiatan perkhidmatan kemasyarakatannya disamping mengadakan latihan-latihan kerjaya sebagai langkah membimbing para belia dalam menentukan masa depan mereka.

5.4 Penutup.

Adalah ternyata bahawa kepimpinan peringkat awal pergerakan SANYA telah menyediakan asas yang cukup kuat kepada SANYA untuk bergerak dan mencapai kemajuannya seperti sekarang ini. Pemimpin-pemimpin awal SANYA telah berusaha dengan penuh minat dan dedikasi untuk mendapatkan penyertaan para belia dalam SANYA.

Namun demikian, satu perkara yang perlu dinyatakan di sini betapa sokongan dan bantuan daripada pihak kerajaan adalah penting untuk menjamin kejayaan matlamat-matlamat SANYA terutama sekali dalam aspek kewangan. Walaupun bantuan kewangan daripada kerajaan ini selalunya tidak mencukupi, namun ini seharusnya tidak dijadikan sebagai masalah yang menyekat perlaksanaan aktiviti-aktiviti SANYA. Sebaliknya ini adalah satu cabaran kepada SANYA supaya berdikari dan berusaha untuk mengisi tabung kewangannya sendiri seperti menganjurkan pertunjukan pentas sambil mengutip derma dan sebagainya.

Sesungguhnya SANYA adalah sebuah pertubuhan yang mempunyai potensi yang besar terutama sekali sebagai agen perubahan dan "conscience" masyarakat. Jika ianya diuruskan dengan sebaik-baiknya, SANYA boleh men-

jadi satu organisasi yang kuat dan berpengaruh. SANYA boleh bertindak sebagai sebuah 'kumpulan pendesak' dalam aspek melobi serta menyarankan polisi-polisi kepada pihak kerajaan.

Disebalik pencapaian-pencapaian SANYA selama ini bagaimanapun, seperti menurut Encik Vincent Shia, buat masa ini SANYA masih dapat diibaratkan seperti "a sleeping giant". Maksudnya potensi-potensi yang ada pada SANYA masih belum lagi dieksploitasikan sepenuhnya. Maka harapan besar diletakkan kepada pemimpin-pemimpin muda SANYA sekarang ini untuk mengatur strategi dan membawa SANYA kepada pencapaian yang lebih cemerlang lagi.

University of Malaya

## Lampiran Senarai Jawatankuasa Kerja Pusat SANYA/Majlis Tertinggi SANYA.

University of Malaya

Jawatankuasa Kerja Pusat SANYA 1968 - 1969

Yang DiPertua

- YAB Tun Datu Haji Mustapha bin Datu Harun

Timbalan Yang DiPertua

- YB Datuk Harris Salleh
- Encik Jack Chin

Naib Yang DiPertua

- Encik Askar Hasbollah
- Encik Abd. Karim Ghani
- Encik Zulkifli Abd. Hamid
- Encik Abel P. Chong
- Encik Dunstan Dumpangol

Setiausaha Agong

- Encik Darius Binion

Bendahari Agong

- Encik Dennis Koh

Ahli Jawatankuasa

- YB Ampong Puyon
- YB Salleh Sulong (Allahyarham)
- En. Vincent Shia
- En. Edward E. Mujie
- En. Peter Manjaji
- En. Robert Cheng
- En. Syed Kechik
- En. Thani Abd. Hamid
- Cik Norlia Andu
- YB Habib Abd. Rahman
- En. Hamid Esoh
- En. William Pain
- En. Eugene Decena
- En. Orlando Harumal
- En. James E. Tan
- En. Maturin Daim
- En. David Dass(Pemangku Setiausaha Agong)

University of Malaya

Jawatankuasa Kerja Pusat SANYA 1971 - 1975

Presiden

- YAB Tun Datu Haji Mustapha bin Datu Harun

Timbalan Presiden

- Datuk Hj. Zulkifli Datuk Hj. Abd. Hamid
- Haji Mohd. Noor Hj. Mansoor

Naib Presiden

- YB Hj. Ampong Puyon
- YB Datuk Salleh Sulong (Allahyarham)
- Encik Vincent Shia
- Encik Darius Binion
- Encik Yusof Yahya

Setiausaha Agong

- Encik Wilfred Linggam

Bendahari Agong

- Haji Azlan Wong

Ahli Jawatankuasa

- En. Jalumin Jahali
- En. Nunsi Hj. Mahali
- En. Roger Dunstan
- En. Idrus Nassius
- En. Landang Samad
- En. Maarof Yusof
- En. Malek Madat
- En. M.Y. Ismail
- Cik Suzie Ismail
- En. Matusin Awang Dasit
- En. Patrick Micheal
- En. Paul Wong
- En. Raskan Asing
- En. Edward Mujie
- En. Idrus Ghani
- En. Ghani Abbas
- En. Ahmad Awang

University of Malaya

Majlis Tertinggi SANYA 1976 - 1977

Presiden

- YAB Datuk Harris Salleh

Timbalan Presiden

- Encik Darus Binion
- Hj. Mohd. Noor Hj. Mansoor

Naib Presiden

- Encik Vincent Shia
- YB Hj. Ampong Puyon
- Encik Yusof Yahya
- Datuk Salleh Sulong (Allahyarham)

Setiausaha Agong

- Encik Wilred Linggam

Bendahari Agong

- Hj. Azlan Wong

Ahli Jawatankuasa

- En. Jalumin Jahali
- En. Nunsi Hj. Mahali
- En. Roger L. Dunstan
- En. Ahmad Awang
- En. Raskan Asing
- En. Maarof Yusof
- En. Ghani Abbas
- En. Edward Mujie
- En. Matusin Awang Dasit
- En. Patrick Micheal
- En. Paul Wong
- En. Idrus Nassius
- En. Landeng Samad
- En. Idrus Ghani
- En. Malek Madat
- En. M.Y. Ismail

University of Malaya

Majlis Tertinggi SANYA 1978 -1979

Presiden

- YAB Datuk Harris Salleh

Timbalan Presiden

- Haji Mohd. Noor Hj. Mansoor
- Encik Vincent Shia
- En. Joseph Pairin Kitingan

Naib Presiden

- Haji Ampong Puyon
- Encik Paul Wong
- Pg. Othman Pg. Rauf
- Encik Patrick Micheal
- Datuk Lim Guan Sing

Setiausaha Agong

- En. Roger L. Dunstan

Bendahari Agong

- Haji Azlan Wong

Ahli Jawatankuasa

- En. Jalumin Jahali
- En. Landang Samad
- En. Maarof Datuk Yusof
- En. M.Y. Ismail
- En. Malek Madat
- En. Idrus Nassius
- En. Lo Ket Keong
- En. Richard W.Manning
- En. Ayub Aman
- En. Condrad Mojuntin
- Cik Jovinia Choy
- En. Nunsi Hj. Mahali
- En. Edward Mujie
- En. Raskan Asing
- En. Idrus Ghani
- En. Marcillius Tiwol
- En. Yapin Gimpoton
- En. Lau Pui Keong
- En. Marcel Leiking
- En. Dunstan Dumpangol
- En. Gaphur Hj. Salleh

University of Malaya

Majlis Tertinggi SANYA 1980 - 1981

Presiden

- YAB Datuk Harris Salleh

Timbalan Presiden

- Datuk Hj. Mohd. Noor Hj. Mansoor
- Encik Vincent Shia
- Datuk Joseph Painin Kitingan

Naib Presiden

- Hj. Ampong Puyon
- Encik Paul Wong
- Encik Patrick Micheal
- Datuk Lim Guan Sing
- Datuk Majid Khan

Setiausaha Agong

- En. Roger L. Dunstan

Bendahari Agong

- Hj. Azlan Wong

Ahli Jawatankuasa

- En. Jalumin Jahali
- En. Landang Samad
- En. Maarof Datuk Yusof
- En. Idrus Ghani
- En. Marcillius Tiwol
- En. Yapin Ginpoton
- En. Patrick Godomen
- En. Jamal Asmara Nordin
- En. Yong Tet Kheong
- Cik Jovinia Choy
- Cik Marina Tiu
- En. Nunsi Hj. Mahali
- En. Edward Mujie
- En. Raskan Asing
- En. Malik Madat
- En. Idrus Nassius
- En. Marcel Leiking
- En. Osu Hj. Sukam
- En. Abd. Razak Musally
- En. George Kunjan
- Cik Mary Robert

Majlis Tertinggi SANYA 1982 - 1983

Presiden

- Datuk Hj. Abdul Majid Khan

Timbalan Presiden

(I) Encik Vincent Shia

(II) Encik Roger L. Dunstan

(III) YB Mohd. Yusof Hj. Yakob

Naib Presiden

(I) Encik Patrick Micheal

(II) YB Jamal Asmara Noordin

(III) Encik Yong Tet Kheong

(IV) YB Baharom Datuk Hj. Abu Bakar Titingan

(V) Encik Jimmy Duis

Setiausaha Agong

- Encik Fred Solibun

Bendahari Agong

- Encik Francis Lee

Ahli Jawatankuasa

- En. Malik Madat
- YB Haji Yahya Lampong
- En. Vallentine Willie
- En. Madri Akong
- En. Vincent Liang
- En. Patrick Godomon
- En. Micheal Tai
- Pn. Jovinia Choy Solibun
- En. Maarof Datuk Yusof
- En. Marcillius Tiwol
- En. Landang Samad
- En. Maston Hj. Md. Abbas
- En. Chong Kin Foh
- En. George Kunjan
- En. Ambrose J. Juin
- Cik Josi Bosi

University of Malaya

Majlis Tertinggi SANYA 1983 - 1984

Presiden

- YB Mohd. Yusof Hj. Yakob

Timbalan Presiden

(I) YB Baharom Datuk Hj. Abu Bakar Titingan

(II) Encik Vincent Shia

(III) Encik Fred Solibun

Naib Presiden

(I) Encik Musa Aman

(II) Encik Jimmy Duis

(III) Encik Salleh Tan Sri Said Keruak

(IV) Encik Ian Chin

(V) Encik Verus Aman Sham

Setiausaha Agong

- Encik Masidi Manjun

Bendahari Agong

- Encik Lim Tyng Yee

Ahli Jawatankuasa

- En. George Kunjan
- En. Hassan Ibrahim
- En. Zaki Hj. Gusmiah
- YB Azmi Koroh
- En. Terrence Chong
- En. Landang Samad
- En. Andrew Lim
- En. Thomas P.Kastum
- YB. Hussin Sangau
- Puan Jovinia Choy Solibun
- Puan Adeline Leong
- En. Sabdin Ghani
- En. Henry Chok
- En. Madri Akong
- En. Marcillius Tiwol
- En. Martin Idang
- En. Hamidon Hj. Ibrahim
- En. Clarence Bongkos
- YB. Ibrahim Hj. Ahmad
- En. Patrick Godomon
- Pn. Saadiah Hj. Salleh

University of Malaya

PERPUSTAKAAN JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI

PERSATUAN BELIA KEBANGSAAN SABAH
( SANYA )
(Sabah National Youth Association)

---

Borang Permohonan Menjadi Ahli
(Membership Application Form)

Nama Pemohon:..................................................
(Name of Application)

Umur: ..................................................
(Age)

Lama Tinggal Di Sabah: ..................................
(Lenght of Residence in Sabah)

Alamat: ..................................................
(Address)

Dicadang oleh: ..........................................
(Propose By)

Disokong oleh: ..........................................
(Seconded By)

**Borang Keahlian SANYA**

Haribulan: ..................................................
( Date )

Saya mengaku bahawa saya adalah Warganegara Malaysia

I Confirm that I am a Malaysia Citizen..................

..................................................................

Tanda Tangan Pemohon : ...................................
(Signature of Applicant)

---

UNTUK DIGUNAKAN OLEH J/KUASA
(For Official Use)

Bil. Pendaftaran :
(Branch Regt. No)

The application has been approved by the Branch

Executive Committee on ........................... day of.....

.........................

Permohonan telah diluluskan oleh Jawatankuasa Kerja

Cawangan pada ..........................................

..............................
Setiausaha Kehormat.

University of Malaya

PERPUSTAKAAN JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI

PERSATUAN BELIA KEBANGSAAN SABAH
( SANYA )

(Sabah National Youth Association)

Borang Permohonan Menjadi Ahli
(Membership Application Form)

Nama Pemohon:.........................................................
(Name of Application)

Umur: .........................................................
(Age)

Lama Tinggal Di Sabah: ..........................................
(Lenght of Residence in Sabah)

Alamat: .........................................................
(Address)

Dicadang oleh: ..................................................
(Propose By)

Disokong oleh: ..................................................
(Seconded by)

Haribulan: ......................................................
( Date )

Saya mengaku bahawa saya adalah Warganegara Malaysia

I Confirm that I am a Malaysia Citizen ...............

.......................................................

Tanda Tangan Pemohon : ..........................................
(Signature of Applicant)

UNTUK DIGUNAKAN OLEH J/KUASA
(For Official Use)

Bil. Pendaftaran :
(Branch Reg. No)

The Application has been approved by the Branch

Executive Committee on ......................... day of.....

.......................

Permohonan telah diluluskan oleh Jawatankuasa Kerja

Cawangan pada ..........................................

...........................
Setiausaha Kehormat.

## Tata Tertib Persidangan Perwakilan Persatuan Belia Kebangsaan Sabah

1. Pengerusi Persidangan Perwakilan akan menjadi salah seorang ahli persidangan yang dilantik oleh kebanyakan ahli-ahli yang hadir dan undian dibuat dari senarai yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Kerja.

2. a) Ahli-ahli yang hadir dan berhak mengundi disebarang mesyuarat Persidangan Perwakilan akan memakai Kad mengenalkan diri mereka itu sebagai yang disediakan oleh Setiausaha Agung.

   b) Bahasa di Persidangan Perwakilan ialah Bahasa Malaysia. Bahasa Inggeris hanya boleh digunakan dengan kebenaran dari Pengerusi.

3. <u>Soalan Kepada Pengerusi</u>

   a) Soalan- soalan mungkin dikemukakan kepada (Pengerusi) diatas perkara-perkara yang berbangkit dari minit-minit mesyuarat atau sebagainya, diatas perkara Keterangan yang diterima bila-bila masa sahaja atau dibawa perkara-perkara yang lalu.

   b) Maksud sebenar satu-satu soalan itu ialah untuk mendapatkan penerangan diatas satu perkara yang [illegible] ahli-ahli soalan itu dikemukakan dan sesuatu soalan itu mestilah jangan dijadikan dalam [illegible] bagi bahasan.

**<u>Tata Tertib Persidangan Perwakilan SANYA</u>**

   c) Pengerusi seorang sahaja yang akan menimbangkan sama ada satu soalan itu dibenarkan atau tidak dibawa undang-undang dan peraturan-peraturan ini, dan mungkin tidak membenarkan sebarang soalan itu jika ia melanggar sebarang undang-undang dan peraturan-peraturan ini. Beliau mungkin selanjutnya, tidak membenarkan sebarang soalan jika pada fikirannya tidak sesuai dijadikan soalan atau dikira akan menghindar atau mengganggu perjalanan mesyuarat Persidangan Perwakilan.

      (iv) Usul yang mengandungi cadangan-cadangan dibawah perenggan (c) diatas yang berkehendakkan setengah atau lebih undian.

   d) Jikalau satu-satu usul dimana kenyataan telah diberikan dan tidak dicadangkan diawal yang tertentu, ia akan dianggap telah ditarik balik dan catitan penerangannya itu akan dimasukkan didalam minit-minit mesyuarat.

   e) Usul tidak dikehendaki disokong.

2/......

University of Malaya

Tata Tertib Persidangan Perwakilan Persatuan
Belia Kebangsaan Sabah

1. Pengerusi Persidangan Perwakilan akan menjadi salah seorang ahli persidangan yang dilantik oleh kebanyakan ahli-ahli yang hadir dan undian dibuat dari senarai yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Kerja.

2. a) Ahli-ahli yang hadir dan berhak mengundi disebarang mesyuarat Persidangan Perwakilan akan memakai Kad mengenalkan diri mereka itu sebagai yang disediakan oleh Setiausaha Agung.

   b) Bahasa di Persidangan Perwakilan ialah Bahasa Malaysia Bahasa Inggeris hanya boleh digunakan dengan kebenaran dari Pengerusi.

3. Soalan Kepada Pengerusi

   a) Soalan- soalan mungkin dikemukan kepada (Pengerusi) diatas perkara-perkara yang berbangkit dari minit-minit mesyuarat atau sebagainya, diatas perkara Keterangan yang diterima bila-bila masa sahaja atau dibawa perkara-perkara yang lalu.

   b) Maksud sebenar satu-satu soalan itu ialah untuk mendapatkan penerangan diatas satu perkara yang tertentu masuk kekuasaan khas kepada ahli-ahli soalan itu dikemukakan dan satu-satu soalan itu mestilah jangan dijadikan daleh atau alasan bagi bahasan.

   c) Pengerusi seorang sahaja yang akan menimbangkan sama ada satu soalan itu dibenarkan atau tidak dibawa undang-undang dan peraturan-peraturan ini, dan mungkin tidak membenarkan sebarang soalan itu jika ia melanggar sebarang undang-undang dan peraturan-peraturan ini. Beliau mungkin selanjutnya, tidak membenarkan sebarang soalan jika pada fikiranya tidak sesuai dijadikan soalan atau dikira akan menghindar atau menganggu perjalanan mesyuarat Persidangan Perwakilan.

      (iv) Usul yang mengandungi cadangan-cadangan dibawah perenggan (c) diatas yang berkehendakkan setengah atau lebih undian.

   d) Jikalau satu-satu usul dimana kenyataan telah diberikan dan tidak dicadangkan disaat yang tertentu, ia akan dianggap telah ditarik balik dan catitan penerekaannya itu akan dimasukkan didalam minit-minit mesyuarat.

   e) Usul tidak dikehendaki disokong.

2/......

5. Pindaan Usul-usul

(a) Pidaan mestilah berseimbang kepada soalan yang dicadangkan.

(b) Pindaan mestilah tidak membangkitkan sebarang perkara yang hanya boleh dibangkitkan dengan satu usul yang tertentu selepas diberi kenyataan.

(c) Pindaan mestilah tidak semestinya bersententangan dengan cadangan yang mula-mula dibuat atau sebarang pindaan yang ada.

(d) Pindaan mestilah tidak semestinya sama dengan satu pindaan yang dibuat oleh seorang ahli-ahli yang lain.

(e) Kepada sebarang pindaan, tidak ada pindaan yang boleh diubah.

(f) Semua pindaan-pindaan, jikalau sekiranya diperlukan oleh pengerusi mestilah diberi dengan secara tulis oleh yang mengemukakannya itu dan diberi kepada setiausaha.

(g) Pengerusi seorang sahajalah hakim yang akan menimbangkan sebarang pindaan.

(h) Pindaan-pindaan kepada satu cadangan itu akan dikemukakan sebelum pengemukaan cadangan yang mula-mulanya. Jikalau pindaan-pindaan dipindahlan kepada satu pindaan yang dicadangkan, pindaan yang disebutkan pada yang akhir itu akan dibicarakan soalan-soalan ianya menjadi usul yang mula-mula sehingga pindaan-pindaan kepadanya telah diperselesaikan.

Bercakap berkenaan sebarang cadangan yang dipertimbangkan, perkara-perkara yang berikut akan diingat:-

(i) Seorang yang hendak bercakap di Persidangan Perwakilan akan berdiri di tempatnya dan mengemukakan pandangannya itu kepada Pengerusi dan akan bercakap sambil berdiri.

(ii) Beliau tidak akan diganggu melainkan apakala terkeluar dari batasan.

(iii) Apabila beliau telah habis memberi pandangan-pandangannya; beliau akan duduk semula dan sebarang ahli yang lain yang hendak memberi pandangan kepada mesyuarat bolehlah berdiri.

(iV) Jikalau dua atau lebih ahli yang berdiri pada masa yang sama, Pengerusi akan memanggil ahli yang mana beliau melihat dahulu.

(v) Seorang ahli mestilah menumpakan pandangannya kepada tajuk yang dibincangkan.

3/.......

(vi) Tidak dibenarkan sebarang ahli menuduh alasan-alasan yang tidak semestinya kepada sebarang ahli yang lain, membuat tuduhan yang menyinggong peribadi seorang ahli yang lain atau menggunakan bahasa yang tidak diingini yang akan menyinggong peribadi seorang itu.

(vii) Tidak dibenarkan seseorang bercakap lebih dari sekali diatas satu-satu cadangan kecuali sebagai yang disediakan dalam perenggan (viii) dibawah ini, atau kepada satu-satu hukuman atau didalam perkara mengumumkan usul bersendirian memberi jawapan. Tetapi sebarang ahli boleh menyokong satu-satu usul atau pindaan dengan cara mengangkat tangan dengan tidak menghalang hak-haknya mengambil bahagian didalam perbahasan selepas itu. Pengerusi boleh bercakap didalam mesyuarat bila-bila masa sahaja.

(viii) Seorang ahli yang telah bercakap diatas satu-satu soalan mungkin dibenarkan memberi penerangan berkenaan perkara berkaitan dengan syarahannya yang mana telah tidak difahami tetapi beliau mestilah jangan mengemukakan sebarang perkara yang baharu.

(ix) Dengan kurnia mesyuarat, seorang ahli boleh membuat penerangan persendirian, sungguhpun tidak ada apa-apa soalan sebelum itu tetapi dalam perkara ini tidak ada perkara yang dibantah akan dikemukakan, dan tidak akan dibenarkan membuat perbahasan. Ahli tersebut mestilah membuktikan dirinya membuat tata-tertib dan kelakuan yang semestinya.

7. <u>Persesuaian di dalam Bahasa</u>

(a) Perbahasan diatas sebarang usul hendaklah bersesuaian dengan usul itu.

(b) Apabila pindaan dibuat mencadangkan meninggalkan perkataan-perkataan <u>dan</u> dimasuki perkataan-perkataan yang lain ditempat-tempatnya, perbahasan diatas soalan yang pertama dicadangkan diatas pindaan itu mungkin termasuk kedua perkataan-perkataan yang dicadangkan yang hendak ditinggalkan cadangan perkataan-perkataan yang hendak dimasukkan.

(c) Diatas pindaan mencadang meninggalkan perkataan-perkataan <u>atau</u> memasuki perkataan-perkataan, perbahasan akan dihadkan kepada perkataan-perkataan yang hendak ditinggalkan atau yang hendak dimasukkan sahaja.

4/......

Universiti Malaya

(d) Jikalau seseorang ahli berkeras dan mengulangi berturut-turut kali pembicaraan-pembicaraannya sendiri atau pembicaraan-pembicaraan orang lain. Pengerusi boleh menyuruh beliau agar memberhentikan syarahannya.

8. Pokok Pembicaraan

(a) Apabila seseorang ahli hendak mencela seseorang ahli yang lain diatas pokok pembicaraan beliau boleh mengangkat tangan di tempat duduknya dan menyatakan yang beliau bangun diatas pokok pembicaraan. Beliau kemudian bolehlah memberi pandangan terus kepada pokok pembicaraan yang beliau hendak memberi penyataan dan duduk semula. Tidak dibernarkan ahli yang lain bangun kecuali Pengerusi meninggalkan tempatnya sehingga Pengerusi telah membuat ketetapan diatas pokok pembicaraan itu.

9. Penamatan Bahas

(a) Tidak dibenarkan seorang ahli bercakap diatas sebarang soalan selepas soalan yang sama telah dikemukakan oleh Pengerusi.

(b) Satu-satu soalan dianggap habis dikemukakan apabila Pengerusi telah mengutip semua kertas-kertas undian.

10. Pengerusi hendaklah didengar didalam keadaan sunyi

(a) Apabila Pengerusi bangun di dalam Majlis bahas sebarang ahli yang bercakap selepas itu, akan meminta hendak bercakap, akan duduk ditempatnya dan majlis mesyuarat akan senyap, Pengerusi akan dapat didengar dengan tidak ada pencelaan.

(b) Jikalau seseorang ahli tidak menghiraukan atau tidak menghormati berkenaan kuasa Pengerusi atau kemuliaan mesyuarat tersebut atau tidak mengindahkan undang-undang mesyuarat dangan bertalu-talu mencela perkara-perkara yang dijalankan dimesyuarat atau sebagainya, Pengerusi boleh memberi hukuman kepadanya dangan serta merta meninggalkan tempat mesyuarat itu dan boleh sepatutnya diambil sebagai yang dikehendaki untuk memperkemukakan hukumannya.

5/......

11. Pengundian

(a) Sama sebagaimana yang disediakan di dalam Perlembagaan, soalan-soalan yang dicadangkan untuk mendapatkan keputusan di mesyuarat akan diputuskan dengan setengah atau lebih undian-undian dari ahli-ahli yang hadir dan berhak mengundi.

(b) Pengerusi akan mempunyai undian yang menentukan.

(c) Melainkan disediakan di dalam Perlembagaan, undian adalah dengan cara mengangkat tangan, kecuali jikalau ada permintaan di mana sekurang-kurangnya sepuluh ahli-ahli meminta undian akan dijalankan dengan undi rahsia. (secret ballot)

12. Had Masa Bercakap

Tuan Pengerusi akan memutuskan bilangan ahli-ahli yang dibenarkan bercakap sebelum penamatan mesyuarat dan sebarang percakapan dihadkan selama tiga minit sahaja.

13. Pengundian Undang-Undang dan Hukuman-hukuman yang didirikan

Sebarang dari undang-undang dan hukuman-hukuman yang didirikan ini boleh diundurkan dengan undian yang banyak dari ahli-ahli yang hadir di Mesyuarat Agung Tahunan di atas usul dibuat dengan izinan Pengerusi dan tidak payah diberi kenyataan. Tidak akan diadakan sebarang bahasan di atas sebarang usul itu.

SEKRETARIAT SANYA

/js.

University of Malaya

UNDANG - UNDANG
DAN
PERLEMBAGAAN

**Perlembagaan SANYA**

## PERSATUAN BELIA KEBANGSAAN SABAH

**ARTIKEL 1: Nama**

(1) Persatuan ini dinamakan PERSATUAN BELIA KEBANGSAAN SABAH atau dalam bahasa Inggerisnya "SABAH NATIONAL YOUTH ASSOCIATION".

(2) Ibu Pejabat SANYA dan URUSETIA Agungnya bertempat di Bangunan Wisma Sabah, Tingkat Tiga, Kota Kinabalu, Peti Surat 1242, Kota Kinabalu.

(3) Tempat Mesyuarat/Menjalankan Kerja dan alamat pos Pertubuhan tidak boleh diubah dengan tidak dibenarkan oleh Pendaftar Pertubuhan Malaysia terlebih dahulu.

**ARTIKEL 2: TAPSIRAN**

(1) "SANYA" maknanya Sabah National Youth Association atau dalam bahasa Malaysia nya, Persatuan Belia Kebangsaan Sabah.

(2) "BELIA" dalam Persatuan ini maknanya seorang Warganegara Malaysia berasal dari Sabah yang berumur diantara 15 hingga [illegible] tahun kecuali mereka yang dilantik dibawah Artikel 6 (1) (d).

(3) "SIDANG PERWAKILAN" maknanya badan penyelenggara perundangan Tertinggi SANYA.

(4) "CAWANGAN" maknanya sebuah cawangan SANYA yang tertubuh dibawah Artikel 13.

(5) "DASAR" maknanya semua keputusan yang dibuat oleh Yang di Pertua menurut Artikel 23 atau oleh Sidang Perwakilan Majlis Kerja Pusat.

**ARTIKEL 3: LENCANA SANYA**

(1) Tiap-tiap ahli yang diakui aken diberikan lencana resmi SANYA.

(2) Majlis Kerja Pusat boleh membuat peraturan mengenai penggunaan lencana tersebut.

2/.....

University of Malaya

ARTIKEL 4: BENDERA SANYA

(1) Bendera SANYA berlatarbelakang warna biru dengan lencana SANYA pada penjuru atas sebelah kiri menggabungkan satu bulatan biru yang diukir dengan tujuh jalur merah melambangkan semua kaum di-Sabah api dan gunung Kinabalu dengan perkataan "SANYA" dengan warna puteh berletarbelakang hijau dan simbol ini akan membentuk rajah lencana SANYA. (Lihat Lampiran A).

(2) Majlis Kerja Pusat boleh membuat peraturan mengenai penggunaan Bendera tersebut.

ARTIKEL 5: MATLAMAT

(1) Matlamat SANYA ialah untuk mengumpul belia dan beliawanis negeri ini yang berumur diantara 15 hingga 45 tahun dengan maksud untuk;

(a) Meninggikan taraf social dan Kebudayaan ahli-ahlinya.

(b) Memelihara serta meninggikan perasaan Muhibah dan harmoni dikalangan rakyat negeri ini tanpa mengira bangsa, ugama atau kepercayaan masing-masing.

(c) Menggalakkan para belia dan beliawanis negeri ini mengambil tanggungjawab sepenuhnya dalam hal ehwal tatarakyat dan kehidupan dalam negeri serta masyarakatnya.

(d) Memelihara serta meninggikan perasaan muhibah dan persaudaraan dengan lain-lain badan belia yang mempunyai matlamat yang serupa dalam negeri ini.

(e) Mengambil bahagian dalam apajua projek yang memberi faedah kepada negeri ini, ahli-ahli SANYA dan badan SANYA sendiri.

(f) Menanamkan perasaan setia dan ingin berbakti kepada negara dikalangan ahli-ahlinya.

(g) Mengumpulkan wang untuk meneruskan matlamat-matlamat SANYA.

(h) Membuat apajua perkara lain yang penting dan berguna untuk mencapai matlamat-matlamat diatas.

(2) SANYA tidak boleh melibatkan diri atau menggabungkan diri dengan sebarang parti politik atau dengan apajua pertubuhan yang berunsur politik.

3/....

ARTIKEL 6: KEAHLIAN

(1) Terdapat tiga jenis keahlian iaitu ahli biasa, ahli bersekutu dan ahli kehormat.

(a) Ahli Biasa.

Rakyat Sabah daripada apajua bangsa, ugama atau kepercayaan yang berumur diantara 15 hingga 45 tahun adalah layak menjadi ahli biasa.

(b) Ahli Bersekutu.

Rakyat Sabah daripada apajua bangsa, ugama atau kepercayaan yang telah mencapai umur 45 tahun adalah layak memohon untuk menjadi ahli Bersekutu.

(c) Ahli Kehormat.

Keahlian ini akan dianugerahkan oleh Majlis Kerja Pusat kepada orang-orang yang berumur lebih daripada 45 tahun yang telah memberikan khidmat yang cemerlang kepada kebajikan SANYA tetapi ahli-ahli yang demikian tidak mempunyai hak-hak mengundi.

(d) Ahli-ahli Bersekutu tidak mempunyai hak-hak mengundi, akan tetapi jika seorang ahli itu dipilih sebagai yang di Pertua SANYA, Timbalan yang di-Pertua SANYA atau Timbalan Naib Presiden SANYA yang dilantik dibawah Artikel 11 Perlembagaan ini dan dalam menyandang, jawatan tersebut, ahli Bersekutu itu akan menikmati semua hak Ahli Biasa.

(e) Tertakluk kepada fasal kecil (d) Fasal (1) kepada Artikel ini, ahli Bersekutu dan ahli Kehormat tidak layak bertanding untuk Majlis Kerja Pusat dan Jawatankuasa Kerja Cawangan.

(2) PERMOHONAN

(a) Permohonan untuk menjadi ahli biasa atau ahli bersekutu mestilah dibuat dalam borang yang ditetapkan dan tiap-tiap permohonan itu mestilah dicadangkan oleh ahli-ahli biasa dan dikemukakan kepada Setiausaha Cawangan SANYA.

(b) Ahli-ahli biasa yang telah mencapai umur 45 tahun dan ingin menyertai seterusnya dalam aktiviti-aktiviti SANYA mestilah memohon untuk menjadi ahli bersekutu.

4/.....

(3) KEMASUKAN AHLI

(a) Dimana ada terdapat cawangan SANYA, Setiausaha Cawangan mestilah menyerahkan semua permohonan untuk menjadi Ahli Biasa dan Bersekutu kepada Jawatankuasa Kerja Cawangan untuk dipertimbangkan.

(b) Jawatankuasa Kerja Cawangan boleh membuat keputusan terhadap semua permohonan untuk menjadi ahli Biasa/Bersekutu dan dengan cara undi, boleh meluluskan atau menolak permohonan itu atau menangguhkan pertimbangan tanpa memberikan sebarang sebab mengapa keputusan itu dibuat.

(c) Seseorang pemohon yang permohonannya untuk menjadi ahli biasa/bersekutu telah ditolak oleh Jawatankuasa Kerja Cawangan boleh merayu kepada Majlis Kerja Pusat untuk mendapatkan keputusan matlamat.

(d) Pemohon-pemohon yang memohon untuk menjadi ahli dalam Pusat dimana tidak ada cawangan ditubuhkan mestilah diuruskan dalam cara yang sama oleh Setiausaha Agung dan Majlis Kerja Pusat.

(e) Tiap-tiap pemohon yang permohonannya telah diluluskan seperti yang tersebut tadi mestilah diterima sebagai seorang ahli Persatuan dan layak mendapat semua keistemiwaan selepas membayar yuran masuk yang ditetapkan dan yuran bulanan untuk bulan pertama.

(4) PENAMATAN DARIPADA MENJADI AHLI.

(a) Seorang ahli biasa mestilah berhenti menjadi ahli apabila mencapai umur 45 tahun.

(b) Seorang ahli biasa atau ahli Bersekutu mestilah berhenti menjadi ahli:-

(i) Apabila dia meletak jawatan dengan memberi notis secara bertulis dua minggu kepada Setiausaha Cawangan dan mestilah menjelaskan semua bil;

atau

(ii) Jika dia gagal mematuhi undang-undang kecil SANYA kerana kelakuan yang dianggap boleh merosakkan nama baik SANYA. Keputusan dalam mesyuarat Majlis Kerja Pusat secara undi sulit dan keputusan demikian adalah muktamat.

ARTIKEL 7: KAD KEAHLIAN SANYA

(1) Tiap-tiap ahli mestilah memiliki Kad Keahlian.

(2) Kad-kad Keahlian akan dikeluarkan oleh Setiausaha Agung setelah menerima daripada Setiausaha Cawangan Senarai ahli-ahli yang telah membayar.

(3) Seseorang ahli tidak akan diakui kecuali dia memiliki kad-kad keahlian.

(4) Majlis Kerja Pusat boleh membuat Peraturan mengenai kad-kad keahlian ini.

ARTIKEL 8: ORGANISASI DAN PENTADBIRAN

(1) Badan penyelenggara SANYA ialah Perwakilan.

(2) Badan Eksekutif ialah Majlis Kerja Pusat.

(3) Bagi maksud tatatertib, terdapat lembaga tatatertib yang dibentuk oleh Majlis Kerja Pusat.

(4) Cawangan akan ditubuhkan menurut Artikel 13 Perlembagaan ini.

ARTIKEL 9: PENYUSUNAN SIDANG PERWAKILAN

(1) Sidang Perwakilan mengandungi :-

(a) Ahli Majlis Kerja Pusat.

(b) Dua Perwakilan yang dipilih adalah daripada tiap-tiap cawangan yang mana nama-nama mereka telah diserahkan dahulu oleh Setiausaha Cawangan kepada Majlis Kerja Pusat.

ARTIKEL 10: SIDANG PERWAKILAN

(1) Sidang Perwakilan hendaklah diadakan dua tahun sekali.

(2) Nama-nama wakil dan pemimpin-pemimpin cawangan SANYA mestilah disampaikan kepada Sidang Perwakilan sebelum mereka menghadzirinya.

(3) Sidang Perwakilan hendaklah:-

(a) Memilih pegawai-pegawai kecuali yang dilantik oleh yang di Pertua dibawah Artikel 11 (1).

6/......

(b) Menerima lapuran-lapuran Tahunan dan Penyata Kira-kira.

(c) Merangka belanjawan bagi tahun-tahun yang berikutnya.

(d) Melantik Juruodit Dalam dan Juruodit Luar.

(4) SIDANG PERWAKILAN TERGEMPAR

Untuk menjalankan sebarang urusan khas, Majlis Kerja Pusat mempunyai kuasa mengadakan sebarang Sidang Perwakilan Tergempar. Yang di Pertua juga mempunyai Kuasa mengadakan Sidang Perwakilan tergempar atau permintaan bertulis 2/3 daripada cawangan-cawangan SANYA. Urusan-urusan tidak akan dibincangkan dalam mesyuarat seumpama itu selain daripada urusan khusus untuk mesyuarat itu.

(5) PENGUNDIAN DALAM MESYUARAT

Tidak ada perbincangan akan diadakan mahupun sebarang pengundian diambil kecuali;

(a) Mengenai persoalan dasar, pentadbiran atau kewangan dan sekurang-kurangnya 2/3 daripada Cawangan-cawangan SANYA hadzir;

(b) Mengenai sebarang persoalan sekurang-kurangnya 1/4 daripada bilangan perwakilan hadzir;

(c) Ketetapan seumpama itu akan diluluskan jika dipersetujui oleh sebilangan besar ahli-ahli. Jika undi itu sama banyak, Pengerusi akan membuat undi pemutus.

(d) Pengundian untuk pemilihan ahli Jawatankuasa akan dibuat secara undi sulit;

(e) Tiap-tiap cawangan mestilah membayar kepada Majlis Kerja Pusat yuran keahlian tiap-tiap tahun seperti berikut;-

| | | | |
|---|---|---|---|
| (1) | Kurang daripada 60 ahli | - | $10.00 |
| (2) | 62 hingga 90 ahli | - | $15.00 |
| (3) | 91 ahli ke atas | - | $20.00 |

(f) Cawangan-cawangan yang belum membayar yuran keahlian mereka tidak akan layak mengundi di-Sidang Perwakilan, mestilah meluluskan Peraturan-peraturan Tatacaranya sendiri.

ARTIKEL 11: MAJLIS KERJA PUSAT

(1) (a) Majlis Kerja Pusat mengandungi :-

(i) Yang di Pertua;

(ii) Tiga orang Timbalan yang di Pertua yang dibakalkan sebagai Timbalan yang di-Pertua I, Timbalan yang di Pertua II dan Timbalan yang di Pertua III, yang mana jawatan Timbalan yang di Pertua III akan diisi secara perlantikan yang dibuat oleh yang di Pertua.

(iii) Lima orang Naib Yang di Pertua yang dibakalkan sebagai Naib Yang di Pertua I, Naib yang di Pertua II, Naib Yang di Pertua III, Naib yang di Pertua IV dan Naib Yang di Pertua V, yang mana Naib yang di Pertua V akan diisi secara perlantikan yang dibuat oleh yang di-Pertua.

(iv) Seorang Setiausaha Agung yang dilantik oleh yang di Pertua.

(v) Seorang Bendahari Agung yang dilantik oleh yang di Pertua.

(vi) Tida lebih daripada empat belas orang ahli Jawatankuasa yang dipilih dua tahun sekali di Sidang Perwakilan.

(vii) Dan tidak lebih dari lapan orang ahli Jawatankuasa yang dilantik dua tahun sekali oleh Yang di Pertua sekiranya difikirkan sesuai.

(b) Majlis Kerja Pusat akan menjadi badan yang bertanggongjawab bagi pentadbiran hal ewal SANYA dibawah bidang kuasa dan arahan sidang perwakilan.Majlis Kerja Pusat mempunyai kuasa untuk bertindak bagi pihak Sidang Perwakilan.

(c) Jika Yang di Pertua berhenti menyandang Jawatan sesiapa sahaja Timbalan yang di Pertua mengikuti kekanan mereka harus memangku jawatan tersebut sehingga dalam Sidang perwakilan yang berikutnya;

(d) Jika 2/3 atau lebih daripada ahli-ahli Majlis Kerja Pusat meletak jawatan serentak, ahli-ahli yang tinggal mestilah memanggil satu mesyuarat tergempar Sidang Perwakilan bertujuan membentuk satu Majlis Kerja Pusat yang baru.

(e) Sesiapa sahaja ahli Majlis Kerja Pusat boleh meletak jawatan dengan menyerahkan permohonan secara bertulis kepada Setiausaha Agung menyatakan sebab-sebab dia membuat permohonan itu kepada Majlis Kerja Pusat jika perletakan Jawatankuasa itu diterima yang di Pertua jika ahli tersebut seorang ahli yang dilantik dibawah Artikel ini atau Majlis Kerja Pusat berkuasa melantik seorang lain untuk mengisikan kekosongan itu hingga seorang ahli baru dipilih dalam Sidang Perwakilan yang berikutnya.

(f) Majlis Kerja Pusat mestilah mengadakan mesyuarat nya sekurang-kurangnya sekali dalam tiap-tiap bulan atau apabila diarah oleh Yang di Pertua atau atas permintaan bertulis oleh sekurang-kurangnya 1/3 daripada ahli-ahli Majlis Kerja Pusat.

(g) 1/3 daripada ahli-ahli Majlis Kerja Pusat hendaklah membentuk satu quorum untuk mesyuarat itu.

(h) Pada setiap mesyuarat Majlis Kerja Pusat jika Yang di Pertua dan Timbalan Yang di Pertua tidak hadzir seorang daripada Naib Yang di Pertua hendaklah dipilih menjadi Pengerusi Mesyuarat.

(i) Sesiapa sahaja Ahli Majlis Kerja Pusat yang gagal menghadziri 3 mesyuarat berturut-turut tanpa sebab-sebab yang menasabah, keahliannya dalam Majlis Kerja Pusat akan dilucutkan.

(2) Tanggungjawab, Kuasa, Tugas-tugas Majlis Kerja Pusat ialah :-

(a) Melaksanakan matlamat-matlamat SANYA :

(b) Bekerjasama dengan lain-lain pertubuhan belia dalam Negeri Sabah dalam bidang social dan lain-lain kegiatan yang tidak bertentangan dengan Perlembagaan ini;

(c) Memilih Ahli-ahli untuk mewakili SANYA dalam apa jua sidang perwakilan atau Majlis atau badan-badan yang sama didalam dan diluar negeri.

(d) Mengesahkan dan mengiktiraf penubuhan sebuah cawangan dan mengawasi supaya kegiatan-kegiatan selaras dengan Perlembagaan SANYA.

(e) Mengawasi dan mengawal kegiatan-kegiatan serta pentadbiran cawangan demi meninggikan taraf kedudukan mereka.

(f) Mempertimbangkan rayuan daripada ahli-ahli mengenai keputusan Lembaga Tata Tertib.

9/....

(g) Menyerahkan lapuran-lapuran Tahunan dan Penyata Kira-kira.

(h) Mengawasi supaya Peraturan-peraturan serta undang-undang dipatuhi.

(i) Diantara Persidangan Perwakilan, Majlis Kerja Pusat boleh memberikan Tafsirannya kepada undang-undang ini dan bila mustahak memutuskan perkara-perkara yang tidak tersebut didalam undang-undang ini.

(j) Kecuali perkara-perkara yang bertentangan atau tidak selaras yang telah dibuat didalam Persidangan Perwakilan, keputusan Majlis Kerja Pusat terhadap ahli-ahli adalah muktamat jika atau sehingga tidak dirombak oleh keputusan Persidangan Perwakilan.

(3) Pemegang-pemegang jawatan pertubuhan ini dan tiap-tiap pegawai yang menjalankan tugas-tugas pemerintah dalam pertubuhan ini hendaklah warganegara Malaysia.

ARTIKEL 12: TUGAS-TUGAS AHLI JAWATANKUASA

(1) Yang di Pertua semua memegang jawatankuasa akan mempengerusikan semua Sidang Perwakilan dan mesyuarat Majlis Kerja Pusat serta bertanggungjawab menjalankan mesyuarat-mesyuarat itu supaya lebih licin dan berkesan. Dia semasa bersama dengan Setiausaha Agung atau Bendahari Agung menandatangani semua cek bagi pihak Persatuan.

(2) Timbalan Yang di Pertua i, ii, iii, akan mewakili Yang di Pertua dalam masa ketiadaan beliau.

(3) Naib-naib Yang di Pertua i, ii, iii, iv dan v akan mewakili Yang di Pertua atau Timbalan yang di Pertua dalam masa ketiadaan mereka.

(4) Setiausaha Agung menjalankan kegiatan-kegiatan Persatuan menurut peraturan-peraturannya dan menjalankan keputusan-keputusan yang dibuat oleh Sidang Perwakilan dan Majlis Kerja Pusat. Dia akan bertanggungjawab mengatur semua surat-menyurat dan menyimpan semua buku-buku dokumen dan kertas-kertas termasuk daftar ahli-ahli, kecuali buku kira-kira dan kewangan. Dia akan menghadziri semua mesyuarat dan mencatit perkara-perkara yang dibincangkan. Bersama dengan yang di-Pertua atau Bendahari Agung dia mestilah menandatangani semua cek bagi pihak Persatuan.

10/......

(5) Bendahari Agung akan bertanggungjawab mengawasi kewangan Persatuan. Dia mestilah menyimpan kira-kira semua urusan kewangan Persatuan dan bertanggungjawab membetulkannya. Dia samada bersama Yang di Pertua atau Setiausaha Agung menandatangani semua cek bagi pihak Persatuan.

ARTIKEL 13: PENUBUHAN CAWANGAN-CAWANGAN

(1) (a) Cawangan akan ditubuhkan di tiap-tiap daerah atau ditempat-tempat lain dalam negeri Sabah seperti yang difikirkan patut oleh Majlis Kerja Pusat.

(b) Tiap-tiap cawangan mestilah mempunyai sekurang-kurangnya 50 orang ahli.

(c) Tiap-tiap cawangan hendaklah mematuhi perlaksanaan matlamat-matlamat SANYA atau seperti yang diarahkan oleh Majlis Kerja Pusat.

(2) MESYUARAT CAWANGAN

(a) Jawatankuasa cawangan hendaklah mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya sebulan sekali.

(b) Mesyuarat Agung dua tahun sekali cawangan hendaklah diadakan tidak lewat daripada penghujung bulan April dalam tahun yang berkenaan.

(c) Mesyuarat Agung tergempar boleh diadakan atas permintaan sekurang-kurangnya separuh daripada ahli cawangan.

(3) JAWATANKUASA CAWANGAN

Jawatankuasa Kerja Cawangan hendaklah mengandungi ;

(a) Pengerusi Cawangan
(b) Timbalan Pengerusi Cawangan
(c) Setiausaha
(d) Penolong Setiausaha
(e) Bendahari, dan
(f) Tidak kurang daripada lima orang ahli akan dipilih dalam mesyuarat Agung dua tahun sekali cawangan.

11/......

ARTIKEL 14: TUGAS-TUGAS AHLI JAWATANKUASA CAWANGAN

(a) Dalam tempoh menyandang Jawatankuasa, Pengerusi hendaklah mempengerusikan semua mesyuarat Agung dan mesyuarat-mesyuarat jawatankuasa serta bertanggungjawab menjalankan dengan penuh tatatertib. Dia berhak mengundi dan menandatangani minit-minit setiap mesyuarat setelah diluluskan. Dia bersama dengan Setiausaha Cawangan dan Bendahari hendaklah menandatangani semua cek bagi pihak cawangan itu.

(b) Timbalan Pengerusi hendaklah mewakili Pengerusi semasa ketiadaannya,

(c) Setiausaha hendaklah menjalankan urusan cawangan menurut peraturan-peraturan Persatuan dan menjalankan keputusan mesyuarat Agung dan mesyuarat cawangan. Dia bertanggungjawab menguruskan semua surat-menyurat dan menyimpan semua buku-buku, dokumen dan kertas-kertas kecuali rekod-rekod kewangan dan kira-kira. Dia hendaklah menghadziri semua mesyuarat, dia bersama dengan Pengerusi dan Bendahari menandatangani semua cek bagi pihak cawangan. Ketiadaan beliau jawatan akan dipangku oleh Penolong Setiausaha.

(d) Bandahari adalah bertanggungjawab mengawasi kewangan cawangan. Dia hendaklah menyimpan kira-kira, semua urusan kewangan dan bertanggungjawab dan Setiausaha hendaklah menandatangani semua cek bagi pihak cawangan.

ARTIKEL 15: TABUNG DAN KIRA-KIRA CAWANGAN

(1) Semua tabung yang berkumpul di Ibu Pejabat atau cawangan Persatuan adalah milik biasa Persatuan.

(2) Sidang Perwakilan hendaklah memutuskan dari masa ke semasa peratus wang yuran yang akan dipegang oleh cawangan. Cawangan sebagai tabung cawangan dan juga memutuskan jenis perbelanjaan yang akan dibayar daripada tabung cawangan itu.

(3) Tiap-tiap Bendahari Cawangan hendaklah juga mengemukakan kepada Bendahari Agung sebelum 15hb tiap-tiap bulan baki peratus yuran yang diterima oleh cawangan yang akan disimpan sebagai Tabung Cawangan.

(4) Tiap-tiap Bendahari cawangan hendaklah juga mengemukakan kepada Bendahari Agung sebelum 15hb tiap-tiap penyata pendapatan dan perbelanjaan cawangan bagi bulan yang terdahulu.

(5) Semua tabung cawangan hendaklah disimpan dalam bank atas nama cawangan hendaklah diluluskan oleh Majlis Kerja Pusat dan kira-kiranya hendaklah dijalankan bersama oleh Pengerusi Cawangan, Setiausaha cawangan dan Bendahari cawangan. Bendahari cawangan boleh menyimpan wang tunai tidak melebihi $30.00 tinggit pada bila masa juapun tidak akan dilakukan oleh Bendahari cawangan tanpa keizinan Jawatankuasa cawangan.

(6) Semua kewangan, buku-buku dan lain-lain hak milik Persatuan yang dipegang oleh apa jua cawangan yang dibubarkan hendaklah dihantar kembali dalam tempoh 14 hari daripada tarikh pembubaran oleh Setiausaha cawangan kepada Setiausaha Agung bersama dengan penyata kira-kira.

ARTIKEL 16: PERBEKALAN AM YANG BERKAITAN DENGAN CAWANGAN

(1) Dimana tidak ada perbekalan khas dibuat dalam peraturan-peraturan ini bagi apa juga perkara yang berkaitan dengan pengurusan hal ehwal cawangan Persatuan, Peraturan-peraturan yang hendaklah diikut setakat mana yang sesuai.

(2) Majlis Kerja Pusat boleh memberi arahan kepada Mesyuarat Agung atau Jawatankuasa Mesyuarat sebarang cawangan berhubung dengan pengurusan hal ehwalnya.

ARTIKEL 17: NOTIS MESYUARAT

(1) Notis sekurang-kurangnya 21 hari hendaklah diberi bagi Sidang Perwakilan Dua Tahun sekali dan 7 hari bagi mesyuarat Majlis Kerja Pusat.

(2) Bagi Cawangan pula, notis 14 hari hendaklah diberikan bagi mesyuarat Agung Dua Tahun sekali dan 7 hari bagi mesyuarat Jawatankuasa Kerja Cawangan.

(3) Bagi mesyuarat tergempar, Majlis Kerja Pusat atau Jawatankuasa Kerja Cawangan, notis sesingkat-singkatnya lewat dari 30 hari dari tarikh pengumuman mesyuarat itu.

13/......

(4) Pengumuman awal kerana Sidang Perwakilan-perwakilan yang menerangkan tempat, dan panggilan yang menerangkan tarikh, waktu dan tempat, dan panggilan untuk memberi cadangan-cadangan untuk memindahkan Undang-undang dan pencalonan-pencalonan untuk pemilihan ahli-ahli Jawatankuasa Pusat, hendaklah dikirimkan oleh Setiausaha Cawangan pada tiap-tiap Setiausaha Cawangan tidak lewat daripada 21 hari sebelum tarikh yang ditetapkan untuk bermesyuarat, dan pengumuman ini hendaklah ditujukan, supaya jelas kelihatan di Pejabat Pertubuhan yang telah didaftarkan. Tiap-tiap cawangan hendaklah mengadakan mesyuarat tidak lewat daripada .............. hari setelah menerima pengumuman awal itu.

(5) Nama-nama wakil Pencalonan-pencalonan untuk dirundingkan didalam mesyuarat hendaklah dihantar oleh Setiausaha cawangan atau ahli-ahli bersendirian supaya sampai kepada Setiausaha tidak lewat daripada ............ hari selepas penerimaan penguman mesyuarat.

(6) Setiausaha Agung hendaklah menghantar kepada Setiausaha cawangan sekurang-kurangnya....... hari sebelum diadakan mesyuarat, satu agenda (acara mesyuarat) termasuk selain salinan-salinan peringkatan mesyuarat dan laporan-laporan, cadangan-cadangan dan pencalonan-pencalonan untuk memilih pegawai-pegawai berserta dengan penyata kira-kira pertubuhan bagi tahun lalu yang telah diodit. Salinan surat-surat ini hendaklah diberikan kepada tiap-tiap wakil cawangan dan salinan-salinan surat itu boleh diperolehi untuk dibaca oleh ahli-ahli dari alamat berdaftar Pertubuhan itu di Pejabat cawangan.

<u>ARTIKEL 18:</u> <u>PENGUNDIAN</u>

(1) Ahli-ahli biasa yang tidak berlengah-lengah yurannya adalah berhak mengundi dalam mana-mana mesyuarat Agung cawangan dan mana-mana Sidang Perwakilan.

(2) Pengundian hendaklah dijalankan secara sulit.

<u>ARTIKEL 19:</u> <u>KEWANGAN</u>

(1) Pendapatan SANYA adalah diperolehi daripada sumber-sumber berikut:-

(a) Wang Yuran
(b) Derma dan
(c) Lain-lain sumber seumpamanya yang boleh diluluskan oleh Majlis Kerja Pusat.

14/....

(2) Tertakluk kepada perbekalan-perbekalan berikut dalam peraturan ini, tabung Persatuan boleh diluluskan bagi sebarang tujuan yang perlu untuk menjalankan matlamat-matlamatnya termasuk belanja ke arah Jawatankuasanya dan kakitangan yang dibayar serta pengoditan kira-kiranya tetapi tidak ada kira-kira akan digunakan untuk membayar denda sesiapa saja ahli yang mungkin di denda oleh mahkamah.

(3) Bendahari Agung boleh menyimpan wang tunai tidak melebihi $200,00 ringgit pada bila-bila masa. Semua wang melebihi jumlah ini hendaklah disimpan ke dalam bank yang diluluskan oleh Majlis Kerja Pusat dalam tempoh tujuh hari daripada tarikh penerimaannya. Bank itu hendaklah atas nama Persatuan.

(4) Semua cek mengenai notis pengeluaran wang daripada akaun Persatuan hendaklah ditandatangani bersama oleh yang di Pertua semasa dengan Setiausaha Agung atau Bendahari Agung.

(5) Perbelanjaan yang melebihi $500.00 ringgit pada satu masa tidak akan dilakukan tanpa mendapat izinan Majlis Kerja Pusat.

(6) Dengan secepat mungkin selepas penghujung tahun, penyata pendapatan dan perbelanjaan serta baki lapuran bagi tahun itu hendaklah disediakan dan diodit oleh Juruodit yang dilantik dibawah peraturan 20. Kira-kira yang diodit hendaklah diserahkan untuk diluluskan dalam sidang perwakilan yang berikutnya.

(7) Urusetia cawangan hendaklah menyerahkan kepada Urusetia Agung lapuran-lapuran tahunan mereka sertapenyata kira-kira yang telah diodit dan dianuti dalam tempoh satu bulan sebelum dianuti dalam tempoh satu bulan sebelum diadakan Sidang Perwakilan.

(8) <u>WANG YURAN</u>

(a) Seseorang ahli hendaklah membayar kepada Setiausaha Agung melalui cawangannya Yuran bulanan seperti yang ditetapkan oleh Sidang Perwakilan dari masa ke semasa.

(b) Wang yuran dipunggut dibawah Fasal (1) Artikel ini hendaklah diuntukkan kepada cawangan dengan cara dan usul seperti yang diluluskan oleh Sidang Perwakilan untuk menampung perbelanjaannya sendiri.

(c) Tahun pembayaran yuran adalah seperti tahun kewangan.

15/.....

(d) Kadar yuran bagi ahli-ahli adalah seperti berikut:-

| | | | |
|---|---|---|---|
| (i) | Ahli Biasa | - | $1.00 setahun |
| (ii) | Ahli Biasa | - | $1.00 setahun |
| (iii) | Yuran masuk bagi semua ahli ialah | - | $2.00 |

(9) (a) Tahun kewangan Persatuan bermula pada 1hb Januari tiap-tiap tahun.

ARTIKEL 20: JURUODIT

(1) Sebuah firma "Chartered Accountants" akan hendaklah dilantik dalam Sidang Perwakilan untuk mengodit kira-kira SANYA.

(2) Seorang juruodit dalam hendaklah dilantik dalam Sidang Perwakilan untuk mengodit kira-kira SANYA dari masa ke semasa.

(3) Tiap-tiap cawangan hendaklah dilantik dua odit untuk mengodit kira-kira cawangan sebelum menyerahkan kepada urusetia Agung.

ARTIKEL 21: LEMBAGA PEMEGANG AMANAH

(1) SANYA boleh memiliki tanag bangunan dan lain-lain harta samada dengan membeli atau tanah atau bangunan seperti itu kepada "Transacation" semua tanah, bangunan dan lain-lain harta kecuali wang yang disimpan di bank hendaklah dipegang secara amanah oleh sekurang-kurangnya tiga orang ahli.

(2) Pemegang-pemegang amanah hendaklah dilantik daripada kalangan ahli-ahli biasa dalam Sidang Perwakilan atas syor Majlis Kerja Pusat.

(3) Pemegang-pemegang Amanah akan terus memegang Jawatan, sehingga meletak jawatan, meninggal dunia tidak siuman atau diberhentikan. Apabila seorang pemegang amanah atau pemegang-pemegang amanah itu berhenti memegang jawatannya, maka kekosongan itu hendaklah diisikan dalam Sidang Perwakilan yang berikutnya.

ARTIKEL 22: PINDAHAN KEPADA PERLEMBAGAAN

(1) Perlembagaan atau mana-mana sahaja bahagiannya boleh dipindah atau dimansuhkan oleh satu ketetapan yang disokong oleh sekurang-kurangnya 2/3 daripada bilangan ahli-ahli Sidang Perwakilan yang hadzir dalam Mesyuarat itu.

16/.....

(2) Sebarang usul untuk memindah atau memansuhkan Perlembagaan itu hendaklah dikemukakan kepada Setiausaha Agung menurut Peraturan-peraturan dan perintah-perintah tetap.

ARTIKEL 23: KENYATAAN AKHBAR

(1) Kenyataan-kenyataan kepada akhbar mengenai perkara-perkara am berhubung dengan dasar hendaklah dibuat oleh yang di Pertua kecuali ia mewakilkan seseorang untuk menguruskan tugas ini.

(2) Dalam hal cawangan, Artikel 23 (1) hendaklah juga dipakai.

ARTIKEL 24: PEMBUBARAN

(1) SANYA tidak akan dibubarkan kecuali dengan persetujuan tidak kurang daripada 2/3 daripada ahli-ahli dalam sebarang Sidang Perwakilan tergempar yang diadakan bagi tujuan itu.

(2) Jika SANYA dibubarkan seperti yang disyaratkan diatas semua hutang dan tanggungjawab yang dilakukan disisi undang-undang bagi pihak SANYA hendaklah diselesaikan sepenuhnya dan wang yang tinggal akan diuruskan dengan cara yang ditetapkan oleh Sidang Perwakilan.

ARTIKEL 25: PEMBUBARAN CAWANGAN

(1) Majlis Kerja Pusat boleh membubarkan sesebuah cawangan;

(a) Jika dalam tempoh berturut-turut selama 6 bulan bilangan ahli cawangan itu dibawah 10 orang, atau

(b) Jika cawangan itu enggan mematuhi peraturan-peraturan Persatuan atau keputusan-keputusan Sidang Perwakilan atau Majlis Kerja Pusat Cawangan itu pada pendapat Majlis Kerja Pusat cawangan berkelakuan salah yang boleh merosakkan nama baik Persatuan.

(2) Oleh sebab keputusan untuk membubarkan sesebuah cawangan itu mestilah dengan undi yang terbanyak dalam mesyuarat Majlis Kerja Pusat dengan syarat sebelum keputusan diambil untuk membubarkan cawangan itu atas sebab yang dinyatakan dalam perenggan 1 (b) diatas, cawangan yang berkenaan hendaklah diberikan notis 30 hari untuk memberikan peluang menjawab tuduhan-tuduhan itu.

17/......

(3) Perintah pembubaran itu hendaklah ditandatangani oleh Setiausaha Agung. Setelah menerima surat perintah, cawangan itu hendaklah berhenti membuat kegiatan kecuali bagi tujuan penutupan. Sebarang cawangan yang muskil dengan perintah pembubaran itu, boleh membuat rayuan kepada Sidang Perwakilan dengan memberi notis secara bertulis kepada Setiausaha Agung dalam tempoh 32 hari daripada tarikh penerimaan perintah itu.

(4) Tidak bertentangan dengan rayuan itu, perintah pembubaran itu hendaklah dikuatkuasakan sehingga ianya diketepikan, tetapi dalam hal ini Majlis Kerja Pusat boleh melantik daripada kalangan ahli-ahlinya sebuah jawatankuasa Penjaga untuk menguruskan hal ehwal cawangan itu sementara menunggu pembicaraan rayuan.

(5) Jika sesebuah cawangan itu ditutup atas, sebab-sebab yang dinyatakan dalam perenggan 1(a). Peraturan ini, Majlis Kerja Pusat hendaklah memindahkan ahli-ahli yang tinggal ke cawangan yang terdekat dan jika sesebuah cawangan itu ditutup atas sebab-sebab yang dinyatakan dalam perenggan 1 (b) peraturan ini, ahli-ahlinya hendaklah berhenti daripada menjadi ahli Persatuan.

(6) Adalah menjadi tanggungjawab Pengerusi, Setiausaha Bendahari cawangan itu menghantar kepada Setiausaha Agung semua buku-buku, rekod-rekod, wang dan lain-lain harta kepunyaan cawangan itu bersama dengan penyata kira-kira sehingga tarikh perintah pembubaran dalam tempoh 14 hari daripada tarikh pembubaran itu.

<u>ARTIKEL 26</u>: <u>LARANGAN</u>

(1) Penghisapan candu dan apajua jenis dadah lain yang dilarang oleh Undang-undang dalam kawasan Persatuan dan memperkenalkan pelacuran serta orang-orang yang tidak senonoh ke dalam kawasan Persatuan adalah dilarang sama sekali.

(2) Diharamkan bermain permainan-permainan berikut didalam kawasan Persatuan Roulette, Lotto, Fan Tan, Poh, Len Bin, Sam Cheong, Twenty One, Belangkai, Pai Kau, Tan Ngau, Tien Kow, Chap Ji Kee, Thirty One, Ten dan ahlf, semua permainan dadu, permainan Banker dan semua permainan yang semata-mata bergantung kepada nasip.

(3) Pertubuhan ini dilarang daripada mempunyai pergabungan atau perhubungan dengan mana-mana Pertubuhan diluar Persekutuan.

(4) Seseorang pelajar Universiti atau Kolej Universiti tidak akan diterima menjadi ahli Persatuan kecuali ia telah dibenarkan terlebeh dahulu secara bertulis oleh Naib Canselor Universiti berkenaan.

BIBLIOGRAFI

(A) Buku-buku teks

(1) Bailey, D. Kenneth. Methods of Social Research. London, Free Press. 1978.

(2) Blumer, Herbert, "Elementary Collective Behaviour" in Alfred McClung Lee (ed.), New Outline of the Principles of Sociology New York. Barnes and Nobles. 1951.

(3) Chowdhury, P., Voluntary Social Welfare in India. New Delhi, Sterling Publishers (P) Ltd. 1971.

(4) Eisenstadt, S.N., From Generation to Generation: Age Groups and Social Structure. New York. The Free Press of Glencoe. 1956.

(5) Friedmann, F.G. Youth and Society. London. The MacMillan Press Ltd. 1971.

(6) Hsieh, Jiann. "The Chinese Community in Singapore, The Internal Structure". in S.J. Chen & Hans-Dieter Evers (eds). Studies in ASEAN Sociology. Singapore. Chopman Enterprise. 1978.

(7) International Encyclopedia of Social Science. vol. 16. New York, MacMillan.

(8) Karanth, G.K. Rural Youth. New Delhi. Concept Publishing Company. 1981.

(9) King, C.Wendell. Social Movement in the United States. New York. Random House Inc. 1969.

(10) Luis A.Gomes and L.Ribeiro: Youth Participation in the Development Process: A Case Study in Panama Paris. The UNESCO Press. 1976.

(11) Manning, P.K. and Truzzi, M (eds). Youth and Sociology, New Jersey: Prentice-Hall, Inc. Englewood Cliffs. 1972.

(12) Ralph, H.Turnes & Lewis, M.K. Colective Behaviour. New Jersey. Prentice-Hall, Inc. Englewood Cliffs. 1972.

(13) Scot, R & Blau, P., Formal Organisation: A Comparative Approach. London. Routledge & Keegan Paul. 1963.

(14) UNESCO: In Partnership with Youth. France. Offset-Aubin. 1969.

(15 ______: Youth in the 1980s. Belgrade. The UNESCO Press. 1980.

University of Malaya

(B) Latihan Ilmiah, Tesis dan Disertasi

(1) Sukarti Wakiman. "Pertubuhan Belia Kebangsaan Sabah (SANYA)". Latihan Ilmiah. Jabatan Antro/Sosiologi. Uni. Malaya. K.Lumput. 1976.

(2) Sharif bin Hat "Pertubuhan-pertubuhan Sukarela: Satu tinjauan umum di kawasan bandaran Jitra, Kedah". Latihan Ilmiah Jabatan Antro/Sosiologi. Uni. Malaya. K.Lumpur. 1975.

(3) Kamariah Jamaluddin. "Kajian Kes Mengenai Pertubuhan Sukarela: Persatuan Kelab-kelab Belia Malaysia (MAYC)". Latihan Ilmiah. Jabatan Antro/Sosiologi. Uni. Malaya. K.Lumpur. 1976.

(4) Noordin Sulaiman. "Organisasi dan Kepimpinan dalam Pertubuhan Belia di daerah Selangor". Latihan Ilmiah. Jabatan Antro/Sosiologi. Uni. Malaya. K.Lumpur. 1979.

(5) Hussain Mohamed. "Organisasi Belia di Semenanjung Malaysia Dengan Kajian Khas Ke Atas Persatuan Kelab-Kelab Belia Malaysia dan Gerakan 4B Malaysia". Disertasi Ph.D. Universiti Malaya. 1981.

University of Malaya

(C) Majalah/Jurnal

(1) Anuar Ibrahim. "Falsafah Perjuangan Belia". Majalah Diskusi. April-Mei 1979. Jilid 4.

(2) Hussain Mohamed. "Belia, Gerakan Sosial dan Perubahan Masyarakat: Suatu Deskripsi Umum Mengenai Penglibatan Belia Antara Masyarakat". Analisa Belia. Jurnal Belia Malaysia. Bil.1. Kuala Lumpur. 1983.

(D) Kertaskerja-Kertaskerja

(1) Hj. Mohd. Noor Hj. Mansoor, "Peranan Belia Dalam Konteks Perhubungan Belia dengan Kerajaan".

(2) Kamaruddin Jaafar, "Peranan Belia Dalam Pembangunan Negara".

(Kedua-dua kertaskerja ini telah dibentangkan di Seminar Peranan Belia dan Pembangunan Negara, anjuran SANYA, yang diadakan di Kota Kinabalu pada 21-23 Mei, 1983.

(E) Petikan Dari Suratkhabar

(1) Kinabalu Week End, - 23.6.1978

_______________, - 9.6.1979

_______________, - 16.6.1979

University of Malaya

(2) Sabah Times, - 12.4.1980

____________, - 23.4.1984

____________, - 9.8.1984

(3) Daily Express, - 31.10.1980

______________, - 14.12.1981

______________, - 28.10.1983

______________, - 23.4.1984

(4) Utusan Malaysia, - 17.10.1984

(F) Buku Lapuran

(1) Buku Penyata Tahunan SANYA - 1977/1979

(2) ______________________________, - 1979/1981

(3) ______________________________, - 1982/1983

University of Malaya